

Jilid I
Bil. 7



Hari Rabu
15hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 809]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir [Ruangan 860]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1986 [Ruangan 939]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1986 [Ruangan 935]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan Utama, DATO' S' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, Tuan Ng Cheng Kiat (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).

„ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).

„ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

„ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).

„ TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).

„ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

YANG BERHORMAT TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).

- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

- Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JEFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 15hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
perkerusi Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

SURUHANJAYA SELATAN—
PENUBUHAN

1. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan komitmen Kerajaan Malaysia dari segi kewangan terhadap penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan seperti diputuskan dalam mesyuarat Selatan-Selatan yang diadakan di Kuala Lumpur Mei lalu, kemajuan yang dicapai oleh Suruhanjaya seumpama itu dan sama ada benar salah satu daripada penganjur mesyuarat Selatan-Selatan yang dianjurkan di Kuala Lumpur Mei lalu iaitu Bank of Credit and Commerce International (BCCI) yang berpusat di Luxembourg telah memohon atau berniat memohon satu lesen bank di Malaysia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Selatan telah dikemukakan dan dipersetujui dalam Persidangan Selatan-Selatan Kedua. Suruhanjaya tersebut merupakan satu tindakan positif untuk menjalin dan meningkatkan kerjasama ekonomi yang bermakna dan berkesan di

kalangan negara-negara membangun. Walaupun sebelum ini, permasalahan negara-negara membangun dan kerjasama ekonomi telah banyak diperkatakan di dalam mesyuarat antarabangsa, namun pendapat dan buah fikiran yang telah diluahkan dalam mesyuarat tersebut tidak mendatangkan hasil yang memuaskan.

Adalah didapati Suruhanjaya tersebut adalah amat penting dan kena pada masanya dan Malaysia akan dapat faedah dari segi ekonomi melalui Suruhanjaya tersebut. Pada masa ini, kebanyakan negara membangun telah memberi sokongan yang menggalakkan untuk Suruhanjaya tersebut. Oleh kerana itu, Malaysia juga harus memberi sokongan yang sama dan memainkan peranannya untuk menyumbang dari segi kewangan yang berpatutan untuk Suruhanjaya tersebut.

Selain daripada itu, Malaysia juga telah mengambil daya utama ke arah pewujudan Suruhanjaya tersebut dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengutuskan surat kepada 127 Ketua Kerajaan dalam Kumpulan 77 dan negara-negara lain untuk menjelaskan tujuan penubuhan Suruhanjaya Selatan. Penubuhan Suruhanjaya Selatan telah mendapat sokongan daripada negara-negara membangun dalam Kumpulan 77 dan juga hampir semua negara berkecuali. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Tanzania semasa Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Harare, Zimbabwe baru-baru ini untuk menawar kepada Dr Julius Nyerere,

seorang tokoh terkemuka di Dunia Ketiga bagi mempengerusikan Suruhanjaya Selatan ini. Setelah berbincang panjang dan juga setelah dipujuk-rayu Dr Julius Nyerere telah pun bersetuju untuk mempengerusikan Suruhanjaya Selatan ini.

Dalam Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Harare, Zimbabwe pada September 1986, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menjelaskan dan memaklumkan kepada pemimpin-pemimpin negara-negara berkecuali mengenai objektif Suruhanjaya Selatan. Ramai daripada pemimpin Pergerakan Berkecuali telah melahirkan sokongan yang terbuka untuk Suruhanjaya Selatan ini.

Walaupun Suruhanjaya Selatan telah ditubuhkan dan Dr Nyerere telah dilantik untuk menjadi Pengerusinya, Perdana Menteri kita akan terus membantu Dr Nyerere dan juga Suruhanjaya Selatan ini bagi memudahkan kerja-kerja yang hendak dilaksanakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman, Persidangan Selatan-Selatan Kedua ini yang diadakan di Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh Third World Foundation, dengan izin, yang bertapak di London dan juga Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa di Malaysia iaitu sebuah badan bukan Kerajaan. Oleh itu, saya tidak pasti apakah pertalian persidangan tersebut dengan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Namun demikian, saya ingin menyatakan bahawa BCCI Luxembourg telah pun pada masa lalu memohon untuk salah sebuah anak syarikatnya mendirikan cawangan banknya di Malaysia. Permohonan tersebut telah tidak dipertimbangkan oleh kita oleh kerana dasar Kerajaan pada masa ini adalah untuk tidak mengeluarkan lesen untuk bank-bank baru.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau dapat menerangkan tentang strategi yang diambil oleh Suruhanjaya Selatan ini untuk menghadapi dan juga mengatasi masalah kemiskinan dan khususnya tentang pencapaian satu peraturan ekonomi antarabangsa yang baru.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, Suruhanjaya Selatan ini baru di peringkat cadangan sahaja, hanya Pengerusi sahaja telah pun dipersetujui iaitu Dr Julius Nyerere. Beliau terpaksa melantikkan Suruhanjayanya terlebih dahulu dan selepas itu barulah bekerja menyediakan Terms of Reference dan selepas itu baru kita boleh mengetahui perkara-perkara yang lain. Tetapi saya ingin menyatakan bahawa kerja-kerja awal telah pun disediakan oleh satu jawatankuasa Steering Committee yang mengandungi pakar-pakar dan akademik dan juga orang-orang yang terkemuka dari Dunia Ketiga dan rangka Terms of Reference dan sebagainya, kita telah sediakan dan ini telah kita serahkan kepada Dr Julius Nyerere. Terpulanglah kepada beliau untuk menentukan corak style Suruhanjaya itu nanti.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya Kerajaan Malaysia sudah bersetuju membuat sumbangan untuk memulakan Suruhanjaya Selatan, maka adakah Timbalan Menteri bersetuju iaitu langkah Perdana Menteri kita sama dengan gaya Soekarno dahulu, walaupun Indonesia kekurangan wang tetapi masih menyanggupi pembiayaan Sidang GAPENO dan mampu menganjurkan Sukan GAPENO.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta ulang balik. Yang mula itu saya tidak berapa faham.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Sekiranya Kerajaan Malaysia sudah bersetuju membuat sumbangan untuk memulakan Suruhanjaya Selatan-Selatan, maka adakah Perdana Menteri bersetuju yang langkah beliau itu sama dengan gaya Sukarno dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sama dengan apa?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Gaya atau style, walaupun Indonesia kekurangan wang tetapi masih menyanggupi membiayai sidang GAPENO dan mampu menganjurkan sukan GAPENO.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini adalah berlainan langsung. Sebenarnya kita menghadapi kemelesetan ekonomi yang dahsyat pada masa ini dan kita sedar bahawa salah satu langkah positif yang boleh kita ambil untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh kita adalah bersama-sama dengan negara-negara yang dalam keadaan yang sama. Itulah sebabnya yang kita begitu aktif sekali dalam segala forum-forum antarabangsa yang melibatkan negara-negara ketiga untuk sama-sama memaju dan menyelaraskan pendapat dan tindakan kita supaya lebih berkesan lagi dalam bidang antarabangsa untuk menyelesaikan masalah kita.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebabnya Kuala Lumpur dipilih untuk menjadi tuan rumah Sidang Selatan-Selatan baru-baru ini dan yang keduanya saya juga hendak

tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang terjadi kepada dialog Utara-Selatan yang diadakan di Paris kira-kira 10 tahun yang lalu. Dan adakah Suruhanjaya Selatan-Selatan ini merupakan satu alternatif kepada dialog Utara-Selatan untuk mewujudkan matlamat order baru ekonomi antarabangsa?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mengetahui kenapakah Kuala Lumpur dipilih dan begitu juga kenapakah Peking mula-mula dipilih sebagai tempat utama Sidang Selatan-Selatan yang bebas ini diadakan. Tetapi ini mungkin satu pengiktirafan mengenai kegiatan kita yang begitu aktif sekali dalam menonjolkan atau memajukan isu-isu antarabangsa khususnya yang berkaitan dengan negara-negara ketiga.

Mengenai dialog Utara-Selatan ini adalah satu proses yang berterusan. Ianya sentiasa diadakan di dalam berbagai bentuk dan berbagai forum. Tetapi kita dapati selama ini dialog Utara-Selatan ini tidak membawa kesan-kesan yang dikehendaki. Kita berharap dengan adanya Suruhanjaya Selatan-Selatan ini kita dapat memupuk kerjasama Selatan-Selatan pula dengan lebih berkesan, dengan lebih membawa faedah, khususnya kita akan kaji dari segi apakah langkah-langkah yang lebih praktikal yang boleh diadakan dalam bentuk kerjasama Selatan-Selatan ini. Tujuan kerjasama Selatan-Selatan ini bukanlah untuk hendak memisahkan Selatan dari Utara, tetapi kita berharap kita akan ada satu persefahaman yang lebih positif, lebih kemas, supaya kita dapat adakan pula dialog dengan Utara dan dengan itu tujuan untuk mewujudkan, dengan izin, New International Economic Order itu akan dapat tercapai dengan lebih mudah lagi.

SIARAN RADIO/TV DI ULU KELANTAN

2. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Penerangan menyatakan kenapakah Siaran Radio dan TV di kawasan ulu-ulu Kelantan dan Kuala Krai tidak jelas dan terang, lebih-lebih lagi Kawasan Ulu Kelantan, siarannya selalu terganggu; bagi mengatasinya bilakah Kerajaan akan mendirikan stesen pemancar Radio dan TV di Kuala Krai dan Ulu Kelantan, sedangkan tanah telah lama disediakan di Kuala Krai, dan bilakah Siaran TV 3, akan dapat dipancarkan dan diterima oleh penduduk Pantai Timur khasnya negeri Kelantan.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauden Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan menyedari akan masalah penerimaan siaran Radio dan TV di beberapa kawasan di Ulu Kelantan dan Kuala Krai. Penerimaan siaran radio di negeri Kelantan telah pun diperbaiki sejak bulan Julai, 1985 apabila alat pemancar FM dipasang di Bukit Bakar. Langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki kualiti penerimaan siaran radio dan TV untuk kawasan Ulu Kelantan dengan cara memasang alat-alat pemancar FM dan Radio (dengan kuasa rendah) di Besut dan Gua Musang. Dengan langkah-langkah itu soal pembinaan Stesyen Pemancar Radio dan TV di Kuala Krai akan dikaji sebaik sahaja keadaan kewangan negara bertambah baik.

Mengenai perluasan siaran TV 3 ke kawasan Kelantan, cadangan itu sedang diperbincangkan oleh Jabatan Telekom dan TV 3.

UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN SIVIL—MENYELARASKAN

3. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri memberi jawapan dan penjelasan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak

Kerajaan dalam menyelaraskan dan menyatukan sistem pentadbiran dan kehakiman undang-undang syariah dan undang-undang biasa di negara kita, seperti yang pernah dianjurkan oleh Y.A.A. Tuan Haji Mohd. Salleh Abbas, Ketua Hakim Negara, sepertimana dalam ucapan utamanya di satu seminar yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya telah memutuskan untuk meningkatkan kedudukan Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Majistret sejak tahun 1984 lagi. Langkah ini diambil semata-mata untuk menyelaraskan pentadbiran sistem undang-undang Syariah setaraf dengan undang-undang Sivil di negara ini.

Untuk mencapai maksud itu sebahagian dari pada Kadi telah pun diberi kursus Diploma Lanjutan Undang-undang dan Kehakiman di Universiti Islam Antarabangsa. Pada masa sekarang seramai 29 orang para Kadi telah menamatkan kursus tersebut. Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan kedudukan struktur organisasi, gred dan bilangan jawatan bagi Mahkamah Syariah, menuju ke arah penyelarasan antara pentadbiran hukum Syariah dengan pentadbiran Undang-undang Sivil. Masalah penyatuan tidak timbul kerana pentadbiran Hukum Syariah adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri.

Buat masa sekarang ini Kerajaan belum ada cadangan yang khusus untuk menyelaraskan dan menyatukan sistem pentadbiran dan kehakiman Undang-undang Syariah dan Undang-undang biasa di negara ini sungguhpun Yang Amat Arif Tun Haji Mohd. Salleh Abbas, Ketua Hakim Negara

telah membuat anjuran yang berkenaan, ianya adalah merupakan pandangan beliau sendiri dan bukan merupakan dasar Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana baru-baru ini 10 atau 12 hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun ada kata bahawa sebuah jawatankuasa ada ditubuhkan untuk menyatukan atau integrasikan sistem Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ini telah menimbulkan keraguan, kebimbangan rakyat khususnya yang bukan beragama Islam oleh kerana ini merupakan satu langkah yang boleh menjejaskan kedudukan secular yang ada terkandung di dalam Perlembagaan. Bolehkah Kementerian yang berkenaan, apabila menjalankan satu siasatan semacam ini, mengadakan anggota-anggota daripada semua agama dan bukan terhad kepada satu agama sahaja?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong adalah berasaskan kepada laporan daripada sebuah akhbar. Saya yakin kalau dilihat akhbar itu pun kalau dijadikan sebagai asasnya disebutkan "rancangan untuk menimbangakan penubuhan sebuah jawatankuasa penyelarasan", bukan "telah ditubuhkan" dan ini adalah satu perkara yang hendak diteliti sama ada ianya akan memberi kesan yang positif atau negatif kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kerajaan mempunyai cadangan di dalam penyelarasan sistem pentadbiran dan kehakiman Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil ini bercadang untuk menghapuskan Seksyen 3 Civil Law

Act di mana membenarkan penggunaan Undang-undang Ekuiti dan juga Undang-undang "Common" ataupun Common Law of England.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dibayangkan di dalam jawapan awal tadi bahawa perkara yang berkaitan dengan rancangan penyelarasan di antara Undang-undang Syariah dan Sivil menjadi satu perkara yang sedang diteliti untuk dilihat sama ada sesuai atau tidak untuk dipertimbangkan. Mengenai rancangan sama ada hendak diubah Seksyen yang berkenaan atau diganti atau ditiadakan, perkara itu hanya akan timbul apabila dirasakan perlu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bukan merupakan satu dasar Kerajaan lagi untuk menyatukan Undang-undang Syariah dan undang-undang pentadbiran biasa tetapi kita sedar bahawa saranan daripada Yang Amat Arif Tun Mohd. Salleh Abbas selaku Ketua Hakim Negara di dalam bidang undang-undang biasa sedia menerima cadangan supaya pentadbiran Mahkamah Syariah itu disatukan dengan pentadbiran undang-undang biasa. Walaupun kita sedar mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Mahkamah Syariah sedang ditingkatkan tetapi apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memulakan ataupun untuk mengkaji dasar ini supaya ada permulaan dari segi Undang-undang Syariah dan Undang-undang pentadbiran biasa ini disatukan sebagai proses penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran kehakiman negara kita.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi juga bahawa perkara ini adalah

merupakan perkara yang penting dan sedang diteliti oleh pihak Kerajaan. Perkara pokoknya dalam perkara ini ialah tentang kepentingan umum iaitu kepentingan bagi rakyat yang beragama Islam dan sudah tentu juga bagi kebaikan orang-orang bukan Islam atau rakyat yang bukan Islam di negara ini.

Perkara sama ada perlu atau tidak dijadikan dasar, maka ianya semua akan bergantung kepada kajian-kajian yang sedang berjalan pada masa ini. Kalau sekiranya kajian yang dijalankan pada masa ini tentang pentingnya penubuhan jawatankuasa yang berkenaan dan didapati perlu dan diperakui, maka sudah tentu ia akan dijadikan dasar dan bila dijadikan dasar, maka pada masa itu sudah tentu ia akan memberi keuntungan kepada semua kaum.

MINI-HYDRO DI SARAWAK—PEMBINAAN

4. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah rancangan-rancangan yang dicadangkan oleh Kementerian beliau dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi kawasan Bahagian Kelima (Limbang dan Lawas) dan seluruh Sarawak, amnya untuk membina lebih banyak stesen Mini-hydro, memandangkan Bahagian Kelima dan Sarawak mempunyai gunung-gunung dan air terjun yang berpotensi untuk tapak bagi pembinaan mini-hydro.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya telah merancang untuk membina 6 buah mini-hydro di Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun 3 buah mini-hydro telah dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima ini, mini-hydro akan dibina di Paniden di Bahagian Satu, di Semadang dan Batu Lintang di Bahagian Kedua, Wang Silau di Bahagian Ketiga, Kejen di Bahagian Keempat dan Saliban di Bahagian Kelima. Sekiranya pembinaan ini dapat dijalankan dan akan siap nanti, ianya akan dapat memberi faedah kepada lebih daripada 14,000 penduduk di kawasan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, ini bergantung kepada kedudukan kewangan.

PUSAT KESIHATAN DI SEMPORNA/BALUNG

5. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah rancangan Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah kampung-kampung yang jauh dan terpencil di laut dan jauh dari Pusat Kesihatan yang mempunyai ramai penduduk khususnya di Sabah dan khususnya di kawasan Semporna dan Balung yang tiada kemudahan bangunan kesihatan atau klinik luar bandar, tetapi memerlukan kemudahan tersebut.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Sabah melalui beberapa kemudahan termasuk sebuah Hospital Besar, 15 buah Hospital Daerah, 18 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, 64 buah Pusat Kesihatan dan 183 buah Klinik Desa. Di Tawau sahaja terdapat sebuah Hospital Daerah, 2 buah Pusat Kesihatan iaitu di Merotai Besar dan di 'Apas Balung, sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dan 9 buah Klinik Desa. Di Semporna pula terdapat sebuah Hospital Daerah, sebuah Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dan 9

buah Klinik Desa iaitu di Bugaya, Tagasan, Bulbul, Hampalam Kajang, Baik, Agang-Agang, Kokongan, Sungei Buayu dan Tanjong Kapur.

Selain daripada kemudahan-kemudahan kekal (static) itu, perkhidmatan perubatan juga diberi melalui Pasukan Perubatan Bergerak daripada Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran. Pasukan ini berjumlah 60 pasukan di seluruh negeri Sabah dan meliputi 283 buah kampung. Untuk menambah lagi pengliputan perkhidmatan perubatan dan kesihatan, Kementerian Kesihatan juga menjalankan Perkhidmatan Doktor Udara di mana 2 pasukan, satu dari Kota Kinabalu dan satu lagi dari Sandakan memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada 78 buah stesen di seluruh Sabah. Ini termasuk dua stesen di Semporna iaitu di Pulau Dinawan dan Pulau Menempilik dan dua stesen di Tawau iaitu Kampung Seruding Laut dan Ulu Kelabakan. Perkhidmatan Doktor Udara yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan adalah ditambah oleh satu pasukan Perkhidmatan Doktor Udara daripada Yayasan Sabah.

Sebagai satu lagi langkah perkhidmatan, Jabatan Perubatan Sabah telah menjalankan dengan jayanya satu projek perintis di dua kawasan iaitu di Long Pasia dan satu lagi di Pulau Jambongan untuk melibatkan masyarakat tempatan dalam pemberian perkhidmatan perubatan asas melalui konsep berdikari dan pendekatan masyarakat, di mana beberapa sukarelawan kampung yang dipilih oleh masyarakat tempatan diberi latihan tertentu dan dihantar balik ke kawasan masing-masing bukan sahaja untuk memberi rawatan asas tetapi juga untuk menggalakkan amalan kesihatan yang baik dan yang berfaedah. Projek ini akan diperluaskan ke lain-lain kawasan juga yang terpencil pada masa akan datang.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, 103 buah projek kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar telah pun diluluskan untuk negeri Sabah. Kemudahan kesihatan yang telah diluluskan di Tawau ialah dua pusat Kesihatan di FELDA Umas-Umas dan FELDA Kalabakan serta dua Klinik Desa di Apas Parit dan di Rangu. Di Semporna pula, sebuah Pusat Kesihatan di Gusong Melata, Pulau Bum-Bum telah juga diluluskan.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menerangkan kemudahan-kemudahan yang telah diperuntukkan kepada daerah-daerah di negeri Sabah tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kemudahan-kemudahan perhubungan di negeri Sabah adalah begitu sangat terhad, misalnya seperti di kawasan saya di Pulau Bum-Bun bukan Pulau Bum-Bum (*Ketawa*)—kawasan ini mengandungi penduduk lebih kurang 40,000 tetapi apa yang mendukacitakan, ialah perkhidmatan perubatan di pulau ini adalah sangat tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta buat soalan.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Soalan saya ialah adakah cadangan untuk mengadakan pusat kesihatan yang lengkap di Pulau Bun-Bun sebagaimana yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia yang lalu, bilakah dapat dilaksanakan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Dalam jawapan saya tadi yang panjang minta maaf saya sebut Pulau Bun-Bun sebagai Pulau Bum-Bum, menarik namanya. Kita telah menyokong sebuah Pusat Kesihatan di Gosong Melanta di Pulau itu untuk dilaksanakan dalam Rancangan

Malaysia Kelima. Kita haraplah dapat peruntukan untuk melaksanakannya; kita di Kementerian menyokong kuat.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sebahagian besar kampung-kampung dan juga estet-estet di Semenanjung adalah jauh dari Pusat Kesihatan dan kekurangan kemudahan-kemudahan perubatan, jadi apakah langkah-langkah ataupun tindakan yang Kerajaan akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya berlainan daripada yang asal. Apa yang ditanya ialah khusus di Sabah.

SEKOLAH RENDAH—TAMIL TARAF PENCAPAIAN

6. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa taraf pelajaran di Sekolah-sekolah Rendah Tamil adalah terlalu rendah berbanding dengan sekolah-sekolah rendah perantaraan lain sepertimana terbukti dari keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dalam tempoh sepuluh tahun lalu; jika ya; mengapa Kementerianya membenarkan keadaan buruk ini terus berlarutan; dan
- (b) rancangan Kementerianya untuk meningkatkan taraf pelajaran dalam Sekolah-sekolah Rendah Tamil supaya paras pencapaian murid-murid Sekolah Rendah Tamil tidak lebih rendah daripada sekolah-sekolah perantaraan lain.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar bahawa taraf pencapaian murid-murid di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan

Tamil tidak begitu tinggi sekiranya dibandingkan dengan pencapaian murid-murid dari Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar bahawa perkara ini telah dibiarkan berterusan tanpa mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Kementerian Pelajaran sentiasa memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan pencapaian murid-murid sekolah. Walau bagaimanapun sebarang rancangan yang dijalankan itu bukanlah untuk satu-satu jenis sekolah sahaja, tetapi untuk semua sekolah. Antara langkah-langkah yang dijalankan untuk mempertingkatkan pencapaian murid-murid ialah:

- (i) berusaha untuk mencantumkan sekolah-sekolah kecil iaitu sekolah-sekolah kekurangan murid yang terdapat di kawasan pendalaman termasuk ladang-ladang, dengan ini murid-murid akan berpeluang untuk menikmati kemudahan yang lebih baik untuk belajar seperti menambah bilik-bilik darjah;
- (ii) menambah bilangan calon guru untuk mengikuti kursus perguruan di maktab-maktab termasuk guru-guru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Selain dari itu Kementerian Pelajaran ini juga mengambil guru-guru sandaran dalam jurusan pengkajian Tamil yang mempunyai kelayakan serta memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mengikuti kursus dalam cuti di Maktab Perguruan semenjak tahun 1984.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan

Menteri sedar satu sebab yang penting bagi Sekolah-sekolah Rendah Tamil itu kekurangan taraf ialah bantuan yang tidak diterima oleh sekolah-sekolah itu daripada Kerajaan hanya bantuan cukup untuk membayar gaji sahaja. Terdapat banyak sekolah-sekolah tidak ada bantuan untuk menukarkan kerusi dan meja, ada terdapat sekolah-sekolah dengan kerusi mejanya sudah 30 tahun belum dapat ditukar, bolehkah Kerajaan menaikkan bantuan kepada Sekolah-sekolah Tamil di masa akan datang untuk memperbaiki taraf ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, ini bukanlah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil sahaja yang menghadapi kekurangan kerusi dan meja atau wang untuk pembangunan.

Sekolah-sekolah seperti Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pun menghadapi kekurangan wang untuk memperbaiki meja dan kerusi dan ini akan bergantung kepada keizinan di dalam kewangan Kementerian Pelajaran.

Saya harap mudah-mudahan ekonomi negara kita dapat bangun sekali lagi dan selepas itu kita bolehlah memberi lebih kemudahan kewangan kepada semua sekolah tidak kira sekolah itu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Pelajaran juga sedar bahawa Sekolah-sekolah Kebangsaan yang bahasa penghantarnya bahasa Melayu di luar-luar bandar ataupun dipendalaman juga mempunyai keputusan yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya ialah berkenaan dengan sekolah-sekolah Tamil bukan Sekolah Kebangsaan.

RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH—PEKERJA KONTRAK

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan apakah tindakan Kementerian beliau telah ambil mengenai kesusahan yang dialami oleh pekerja-pekerja kontrak di rancangan-rancangan pembangunan tanah seluruh negara, terutamanya di dalam dan di sekitar sempadan Negeri Sembilan/Pahang di mana hampir sama dengan taraf "hamba abdi". Adakah Kerajaan bercadang menghapuskan buruh kontrak, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya melalui Jabatan Buruh semasa menjalankan pemeriksaan biasa di tempat-tempat pekerjaan, memeriksa juga kontraktor-kontraktor yang menggaji pekerja-pekerja di skim-skim pembangunan tanah. Walau bagaimanapun pemeriksaan masalah buruh yang berkesan adalah agak sukar dilaksanakan di skim-skim tersebut kerana ianya terletak di kawasan-kawasan yang terpencil dan hanya dapat dilawati setelah melintasi jalan-jalan hutan. Di samping itu pekerja-pekerja kontrak tersebut sentiasa bergerak dari satu lokasi ke lokasi yang lain dan ini menjadikan satu masalah untuk mengesan mereka bagi menyiasat dengan segera kes-kes yang timbul. Walaupun begitu melalui pemeriksaan-pemeriksaan buruh yang sentiasa diadakan oleh Jabatan Buruh tindakan sewajarnya telah diambil untuk memastikan supaya pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor-kontraktor diberi perlindungan yang sewajarnya di bawah pelbagai undang-undang perburuhan.

Terdapat satu dua kes penindasan buruh yang telah dibesar-besarkan oleh akhbar tempatan seperti yang terjadi baru-baru ini di skim

pembangunan tanah di sekitar Sempadan Negeri Sembilan dan Pahang Darulmakmur.

• Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kes tersebut sebenarnya adalah kes yang tidak biasa berlaku dan tidak mencerminkan keadaan sebenarnya layanan yang diberikan kepada pekerja-pekerja kontrak di skim-skim kemajuan tanah.

Berikut dengan kes itu, Kementerian saya melalui Jabatan Buruh telah memperhebatkan pemeriksaan buruh secara sistematik untuk meliputi semua kontraktor-kontraktor yang menggaji pekerja-pekerja di skim pembangunan tanah negara ini.

Hasil pemeriksaan yang telah dijalankan membuktikan kebanyakan pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor-kontraktor, buruh dibayar gaji yang sederhana dan diberi lain-lain faedah mengikut Undang-undang Buruh.

Saya ingin menjelaskan bahawa buruh kontrak di negara ini boleh dibahagikan kepada dua jenis. Bentuk yang pertama ialah buruh yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan, ataupun dengan izin, contract of service.

Kedua, buruh yang bekerja secara individu atau kumpulan dalam bentuk kontrak bagi perkhidmatan, dengan izin, contract for service. Bentuk yang pertama ialah mereka yang berkerja di bawah satu kontrak perkhidmatan di mana seseorang yang telah mendapat kontrak dengan seorang kontraktor utama untuk menjalankan kerja dan kemudian menggaji pula pekerja-pekerja untuk menjalankan kerja itu. Dalam keadaan serupa ini hubungan majikan/pekerja ataupun, dengan izin, master servant wujud, dan pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor itu berhak menerima semua faedah yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Buruh. Kontraktor-kontraktor

serupa ini banyak terdapat di estet-estet termasuk estet-estet MAFA dan lain-lain tempat pekerjaan.

Bagi bentuk yang kedua adalah di mana seseorang pekerja sama ada secara individu ataupun berkongsi dalam kumpulan membuat kontrak dengan sesuatu pihak yang lain untuk menjalankan sesuatu kerja. Di bawah sistem ini tidak ada hubungan pekerja majikan dengan pihak yang menggunakan mereka, dan pekerja individu ataupun kumpulan itu bebas untuk melaksanakan kerja yang ditugaskan itu mengikut cara mereka sendiri.

Sistem kontrak yang kedua ini mempunyai kebajikannya sendiri, kerana majikan tidak perlu mengawal dan menyelia kerja-kerja tersebut. Sistem kontrak ini adalah amat sesuai untuk kerja-kerja yang bermusim ataupun kerja-kerja yang tidak tetap. Bagi kerja-kerja yang memerlukan kemahiran istimewa ataupun berpasukan pekerja-pekerja di bawah bentuk kedua ini akan dapat menjalankan kerja-kerja tersebut dengan lebih berkesan. Lazimnya pekerja-pekerja tersebut dapat memperolehi pendapatan yang lebih lumayan. Walaupun begitu pekerja-pekerja jenis ini tidak dilindungi oleh Undang-undang Buruh kerana mereka bukan sebenarnya pekerja mengikut takrif Undang-undang Buruh. Oleh itu Kerajaan pada masa ini tidak bercadang bagi menghapuskan buruh kontrak yang bekerja secara individu atau berkumpulan yang dimaksudkan pekerja di bawah kontrak bagi perkhidmatan. Kebanyakan kerja kontrak tersebut telah dijelaskan tadi dan sebarang tindakan untuk menghapuskan sistem ini mungkin akan membawa akibat yang tidak baik terutama di sektor perladangan, pembinaan dan di beberapa perusahaan lain seperti pembalakan dan pengilangan papan. Pada himat saya adalah lebih baik pekerja-pekerja

terus bebas memilih apa jua bentuk kontrak pekerjaan yang mereka cenderung.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat satu bentuk lagi pekerja kontrak iaitu bentuk perkhidmatan daripada pendatang haram. Adakah Yang Berhormat mengetahui bahawa kebanyakan pekerja-pekerja kontrak di Rancangan-rancangan Kemajuan Tanah terdiri daripada pendatang haram.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan cara dan kaedah pelaksanaan Akta Buruh tidak begitu berkesan untuk mengatasi masalah pekerja kontrak, apakah rancangan Kementerian sama ada untuk mengkaji semua Akta ini, meminda Akta dan mengubah cara pelaksanaannya.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat ini, tidak ada saya mengetahui ada pula bentuk yang ketiga ini iaitu kontrak jenis pendatang haram ini. Jadi, saya tidak tahu, tidak maklum. Kalau ada yang baru itu bolehlah beritahu dengan kita.

Bagi bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan tadi dengan panjang lebar, kita sentiasa menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan maka kalau kita dapati ada kontraktor-kontraktor ini tidak mengikut peraturan-peraturan seperti dalam Undang-undang Perburuhan kita akan mengambil tindakan. Dan satu dua kes yang disebutkan oleh soalan asal ini iaitu bukan mencerminkan keadaan seluruh kes-kes yang melibatkan pekerja-pekerja yang seumpama ini, maka tidaklah benar untuk dikatakan undang-undang yang ada ini tidak berkesan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat dari Bukit Bintang dalam soalan beliau ada menyebut perkataan "hamba abdi" dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawabannya ada menyebut "master servant". Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada definisi apa dia "hamba abdi" itu. Sekiranya ada, bagaimana pula hubungannya dengan pengertian antara "master" dengan "servant" itu.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya "hamba abdi" ini adalah seorang pekerja yang diambil tidak dibayar gaji, diperas tenaganya dan tidak ada syarat-syarat kontrak antara majikan dengan pekerja, saya difahamkan itulah maksudnya "hamba abdi". Tetapi bagi majikan dan master servant adalah satu perkara yang mana ada hubungan di antara majikan dan pekerja, misalnya ada satu kontrak yang mana pekerja mahu mengambil pekerja yang berkaitan dengan syarat-syarat gaji dan sebagainya dan pekerja itu pula sanggup bekerja dengan majikan itu dengan syarat-syarat yang ditetapkan iaitu yang disebutkan hubungan majikan pekerja tadi.

NISBAH DOKTOR DENGAN BILANGAN PENDUDUK

8. Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan pada tahun 1981 purata nisbah doktor dengan bilangan penduduk di Malaysia ialah 1:3517 orang: adakah kadar nisbah ini berubah bagi tahun 1986. Jika tidak adakah nisbah tersebut akan ditingkatkan semoga perkhidmatan lebih sempurna kepada penduduk-penduduk terutama penduduk di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada hujung bulan September

tahun 1985, keadaan purata nisbah doktor dengan bilangan penduduk telah berubah kepada 1 bagi setiap 3,167 orang. Purata ini adalah dikira dengan mencampur doktor-doktor di sektor Kerajaan dan juga di sektor swasta. Matlamat kita ialah untuk meningkatkan nisbah ini kepada seorang doktor bagi setiap 2,200 penduduk menjelang tahun 1990.

Dengan perkembangan nisbah ini, perkhidmatan kesihatan di negara ini telah dapat dipertingkatkan dan diperluaskan. Pihak Kementerian Kesihatan juga akan terus berusaha meninggikan dan memperbaiki lagi mutu perkhidmatan kesihatan pada masa-masa hadapan, dengan melantik lebih ramai lagi Pegawai-pegawai Perubatan, latihan lanjutan mereka dan kakitangan yang lain, serta juga mewujudkan kemudahan-kemudahan rawatan yang baru di kawasan-kawasan yang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu angka nisbah bilangan doktor kepada penduduk bagi kedua-dua negeri Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi bilangan doktor yang dikontrak daripada luar negeri untuk membaiki nisbah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Yang ketiga, adakah Yang Berhormat sedar bahawa nisbah itu adalah nisbah purata sahaja tetapi tidak membayangkan perbezaan di antara perkhidmatan doktor di kawasan luar bandar dan kawasan bandar oleh kerana semua doktor pun suka berkhidmat di kawasan bandar sahaja dan jika sedar, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan satu dan dua minta notis. Yang ketiga, saya memang sedar dan saya telah sebutkan, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching tidak begitu dengar; dia sibuk menulis soalan sahaja. Saya tadi menjelaskan keadaan purata nisbah doktor. Jadi, Kementerian memang maklum bahawa nisbah yang saya sebutkan itu adalah satu average. Kementerian sedang berusaha seberapa yang boleh untuk mewujudkan lebih banyak lagi kemudahan di kawasan-kawasan yang terpencil, jauh dalam kawasan luar bandar dan sebagainya untuk membawa perkhidmatan kepada mereka. Kita sedang berusaha seboleh-bolehnya. Itulah sebabnya kita mempunyai hak untuk mengarahkan doktor-doktor itu berkhidmat dengan Kerajaan selama tiga tahun kerana dapat menghantar mereka kepada negeri-negeri, ke kawasan-kawasan yang lebih berkurangan doktor daripada dalam pekan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah nisbah bagi seorang doktor wanita kalau dibandingkan dengan jumlah penduduk wanita. Kalau Yang Berhormat perlu notis saya ingin sambung soalan yang kedua. Adakah apa-apa rancangan khusus untuk melatih ramai lagi doktor-doktor wanita untuk menggalakkan wanita-wanita luar bandar terutamanya yang beragama Islam dan juga lain-lain lagi untuk mendapat rawatan moden yang sebenarnya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu notis mengenai nisbah doktor wanita [Ketawa]. Kerana, dari segi dasarnya kita tidak membezakan siapa yang membekalkan perkhidmatan rawatan itu dan tidak ada rancangan untuk membezakan dalam perkara ini.

**PEGAWAI TERLATIH DALAM
PERHUBUNGAN EKONOMI
ANTARABANGSA**

9. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian Luar Negeri mempunyai bilangan pegawai-pegawai yang mahir atau terlatih dalam bidang perhubungan ekonomi antarabangsa yang mencukupi untuk menganggotai Perwakilan-perwakilan Malaysia di Luar negeri memandangkan keutamaan kepentingan ekonomi sebagai dasar luar negara ini; dan
- (b) sekiranya tidak, apakah program-program latihan kemahiran yang sedang dijalankan untuk mengatasi masalah ini supaya kepentingan ekonomi Malaysia di kalangan antarabangsa tidak terjejas.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang ada beberapa orang pegawai yang berpengalaman serta mahir untuk menjalankan kerja perhubungan ekonomi antarabangsa, tetapi bilangan itu masih tidak mencukupi.

(b) untuk mengatasi kekurangan ini Kementerian ada program latihan yang mana beberapa pegawai dihantar untuk menghadiri kursus-kursus dan seminar di institusi-institusi tempatan termasuk INTAN dalam perkara-perkara ekonomi antarabangsa, pengalakan eksport dan juga counter-trade.

Kementerian juga ada menghantar beberapa orang pegawai untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat sarjana di mana mereka mengambil mata pelajaran yang berkaitan dengan perhubungan ekonomi antarabangsa.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dengan kuatkuasa keputusan Kabinet Kerajaan telah pun mewujudkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras di semua tempat yang kita mempunyai perwakilan Malaysia yang mana Jawatankuasa Penyelaras ini adalah dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan dan di antara anggota-anggotanya adalah semua Ketua-ketua Jabatan dari Malaysia yang bertanggungjawab sedikit sebanyak mengenai soal-soal ekonomi. Misalnya di London Jawatankuasa Penyelaras ini adalah dianggotai juga oleh wakil Suruhanjaya Perdagangan kita, wakil MIDA, wakil FELDA, wakil TDC dan sebagainya dan dengan secara langsung pegawai-pegawai ini mempunyai kepakaran yang tertentu dan sedikit sebanyak soal pengalaman dan kemahiran ini dapat diatasi.

Tuan Mohd. Zihim bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pelatih-pelatih yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah mereka juga diberi latihan dalam bahasa-bahasa selain dari bahasa Inggeris untuk kepentingan perdagangan kita?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi salah satu objektif Wisma Putra untuk mengambil lebih banyak pegawai-pegawai yang dapat menguasai bahasa-bahasa international yang tertentu tetapi bilangan ini adalah sangat kurang. Misalnya pada masa ini kita ada pegawai yang berbahasa Arab di Timur Tengah dan pegawai-pegawai berbahasa Cina, pegawai yang berbahasa Perancis dan sebagainya, tetapi memanglah pada masa ini angkanya begitu berkurangan, akan tetapi ini tidak menjadi masalah sebab di mana-mana sahaja salah satu bahasa international digunakan dan

khususnya bahasa Inggeris dan kita tidak menghadapi masalah dalam bidang bahasa.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam bidang ekonomi atau perdagangan yang saya tahu pengalaman praktikal adalah penting. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada dasar pengambilan kakitangan dan staff itu mengambil kira juga kelulusan dan pengalaman mereka yang mempunyai pengalaman praktikal di dalam perdagangan di bidang swasta. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai kita di luar negeri itu memanglah satu perkara yang selalu dikajikan dan salah satu perkara yang sedang ditimbangkan sekarang ini ialah mengenai kemungkinan untuk menghantar pegawai-pegawai kita untuk berkhidmat untuk suatu ketika di bidang swasta sebagaimana sudah pun dijalankan oleh perkhidmatan luar negeri beberapa negara dalam dunia ini, tetapi buat masa ini perkara ini belum lagi dilaksanakan.

Namun demikian sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, Jawatankuasa Penyelarasan soal-soal ekonomi di luar negeri telah pun ditubuhkan berkuatkuasa dengan keputusan Kabinet dan Jawatankuasa ini juga diberi kuasa untuk melantik pegawai-pegawai dalam bidang swasta juga untuk menganggotai Jawatankuasa ini sama ada cara kekal ataupun secara ad hoc untuk mengambil bahagian dalam perbincangan-perbincangan tertentu. Dengan itu saya rasa dengan adanya pelaksanaan konsep Malaysia Incorporated di luar negeri ini, saya rasa sedikit sebanyak pengamalan swasta dengan pengalaman sektor awam ini dapat kita selaraskan.

PERTANDINGAN ANTARA PENULIS BUKU

10. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jika Kementerian ini boleh mengadakan satu pertandingan antara penulis-penulis buku dalam Bahasa Arab, Mandarin dan Tamil sepertimana Kerajaan kita adakan dalam Bahasa Malaysia pada masa ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan bahawa kesusasteraan yang ditulis dalam salah satu bahasa yang dipakai di Malaysia adalah kesusasteraan Malaysia apabila latar belakang kehidupan dan permasalahannya adalah mengenai rakyat dan bumi Malaysia. Manakala kesusasteraan yang ditulis dalam Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi adalah digulungkan sebagai kesusasteraan kebangsaan. Kesusasteraan yang ditulis dalam Bahasa Cina dan Tamil atau sebagainya adalah termasuk sebagai kesusasteraan sukuan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam tahun 1982 pernah menganjurkan peraduan penulisan semua bidang Sastera Kreatif dan bacaan ilmiah yang dinamakan Anugerah Karya Bangsa. Pertandingan ini terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia dengan menggunakan Bahasa Malaysia. Pertandingan yang biasa diadakan selama ini ialah "Sayembara Penulisan Sastera" di bidang novel, cerpen dan puisi anjuran Gabungan Penulis-penulis Nasional (GAPENA) dengan kerjasama agensi Kerajaan dan swasta yang tertentu dengan tujuan mempertingkatkan keupayaan dan pencapaian para penulis serta mempertingkatkan mutu kesusasteraan kebangsaan.

Kerajaan tiada halangan sekiranya mana-mana badan sukarela hendak menganjurkan pertandingan penulisan dalam bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Mandarin dan Tamil. Kerajaan juga tidak pernah menyekat penggunaan mana-mana bahasa atau kebudayaan suku kaum; walau bagaimanapun, pendirian Kerajaan terhadap Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan sebagai bahasa pengucapan kebudayaan dalam pemupukan kebudayaan kebangsaan berlandaskan tiga prinsip utamanya adalah jelas dan tegas.

PENGANGGURAN BELIA LUAR BANDAR

11. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Buruh menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia luar bandar.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya serta agensi-agensi awam yang lain ke arah mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia-belia luar bandar yang kian meningkat. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, program menggalakkan belia-belia bekerja di ladang-ladang. Pada masa ini terdapat banyak kekosongan di ladang-ladang getah dan kelapa sawit khususnya di negeri-negeri Pahang Darulmakmur, Terengganu dan Negeri Sembilan.

Kementerian saya melalui Jabatan Tenaga Rakyat telah menubuhkan Briged Kerja di mana-mana belia-belia yang menganggur dan berdaftar dengan jabatan ini dikumpulkan dan dibawa melawat ladang-ladang yang memerlukan pekerja untuk diperkenalkan dan didedah

kepada suasana dan kebaikan kerja di ladang. Melalui usaha ini adalah diharap akan dapat mengubah sikap belia supaya berminat untuk bekerja di ladang-ladang. Sehingga kini seramai 425 orang penganggur telah dibawa melawat ke 10 buah ladang di Pahang Darulmakmur, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor dan hanya 137 orang daripadanya yang sanggup bekerja. Usaha ini akan diteruskan bagi meliputi lebih banyak ladang-ladang yang memerlukan pekerja.

Kedua, program latihan. Melalui Jabatan Tenaga Rakyat juga berbagai-bagai program latihan telah dijalankan supaya belia-belia yang menganggur berpeluang mendapat latihan dalam berbagai bidang kemahiran bagi meluaskan peluang-peluang kerja mereka, sama ada untuk bekerja dengan majikan ataupun bekerja sendiri.

Program-program latihan kemahiran ini dijalankan di 5 buah Institut Latihan Perindustrian di Kuala Lumpur, Prai, Kuala Terengganu, Pasir Gudang dan Labuan. Sehingga akhir tahun 1986 ini dijangka seramai 3,280 belia-belia akan diberi latihan dalam berbagai-bagai bidang pertukangan. Tambahan pula Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Pertak, Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu dan Institut Belia Usahawan Ipoh menjalankan berbagai program latihan kemahiran.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengadakan program latihan sambil bekerja. Kementerian tersebut juga saya difahamkan telah mengadakan 3 skim pembangunan ekonomi khusus untuk belia bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah jawapan itu?

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu berkehendakkan jawapan yang amat panjang, sebab soalan itu sangat am.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ringkaskan. Pengangguran di kalangan belia luar bandar iaitu rancangan belia berniaga, rancangan peniaga kecil dan rancangan belia peladang. Selain daripada itu ada juga langkah Kerajaan iaitu menggalakkan pelaburan dan tabung pelaburan baru iaitu diharapkan supaya banyak industri akan diwujudkan di luar bandar dan menyediakan peluang pekerjaan.

Kemudian selain daripada itu pembangunan tanah di sektor awam. Projek-projek pembangunan tanah dan wilayah yang dijalankan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah juga telah membantu mengurangkan kadar pengangguran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha Kerajaan ini, sikap belia juga perlu diubah supaya tidak memilih pekerjaan dan sanggup mendapatkan kemahiran melalui program-program latihan anjuran Kerajaan. Dengan cara ini belia-belia luar bandar akan lebih ramai dapat ditempatkan di berbagai-bagai perusahaan. Ini akan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran belia luar bandar.

KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)—CIRI

12. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pelajaran memberi penjelasan mengenai ciri-ciri yang terdapat di dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang digubal sekarang.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, beberapa ciri penting dalam rancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang digubal sekarang ialah:

- (i) program ini merupakan kesinambungan dari Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) iaitu meningkatkan kemahiran asas Menulis, Membaca dan Mengira;
- (ii) menegaskan proses perkembangan diri yang menyeluruh dan memberikan perhatian yang seimbang kepada aspek-aspek kerohanian, fizikal, emosi dan mental;
- (iii) menekankan aspek sosialisasi dengan memberikan tumpuan khusus kepada pemupukan semangat kewarganegaraan; dan
- (iv) menyediakan pelajar-pelajar dengan kebolehan yang secukupnya untuk mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa dalam usaha untuk menggubal satu Kurikulum Baru untuk Sekolah Menengah (KBSM), ada cadangan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bagi menggugurkan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai matapelajaran peperiksaan atau, dengan izin, examination subjects?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya ingin mengingatkan supaya Ahli Yang Berhormat meneliti dahulu sebelum menyoal. Jawapannya ialah kita sekarang masih menggubal dan saya tak tahu dari manakah Ahli Yang Berhormat itu mendapat maklumat itu. Jadi kita sedang

menggubal dan belum lagi mencapai satu kata-putus mengenai apa yang sedang kita rancangkan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—cubaan yang kedua; yang pertama tadi sudah gagal. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang baru kalau ada terkeluar sedikit daripada soalan asal, saya harap Tuan Yang di-Pertua akan memberi saya, dengan izin, benefit of the doubt.

Tuan Yang di-Pertua: Undang-undanganya serupa kepada semua orang, tak kira orang baru, tak kira orang lama [*Ketawa*].

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan Timbalan Menteri Pelajaran yang baru disiarkan disuratkhobar, bahasa ibunda akan dimasukkan ke dalam sukatan KBSM menjelang tahun 1988 sebagai salah satu ciri-ciri yang terdapat di dalam KBSM dan bahasa ibunda akan diajarkan sekurang-kurangnya tiga jangka waktu seminggu. Ini satu tanda yang baik. Walau bagaimanapun, untuk memastikan pengajaran bahasa ibunda ini berkesan, ia patut diajarkan sekurang-kurangnya lima jangka waktu seminggu. Apakah pendapat Kementerian Pelajaran mengenai perkara ini dan bolehkah Kementerian Pelajaran memastikan sekurang-kurangnya lima jangka waktu seminggu diberikan kepada pelajaran bahasa ibunda di dalam skim KBSM?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah mengenai laporan suratkhobar, susah hendak kita menentukan sama ada ia boleh dijadikan sebagai bahan asas berita yang boleh kita gunakan.

Yang kedua ialah mengenai jaminan kita. Saya katakan tadi bahawa kita sedang menggubal dan kajian ini sekarang belum lagi mencapai kata putus mengenai apa yang akan kita laksanakan. Memanglah kita telah

memberitahu—salah seorang dari rakan saya memberitahu bahawa kita memberi jaminan bahawa kita akan berusaha. Namun demikian kata putus belum dicapai mengenai perkara ini kerana ia sedang digubal dan insya Allah kita akan meneliti perkara yang ditimbulkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

SETINGGAN DI BANDARAYA— TARAF HIDUP

13. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilangan penduduk Wilayah Persekutuan yang terdiri daripada setinggan dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementeriannya untuk meninggikan taraf hidup masyarakat setinggan dalam Bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Mengikut anggaran yang dibuat oleh Dewan Bandaraya pada tahun 1985, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai seramai 145,117 orang penduduk setinggan yang tersdiri daripada 39,355 keluarga. Kerajaan telah melaksanakan berbagai projek ekonomi dan sosial dengan tujuan untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan amnya dan penduduk-penduduk setinggan khususnya. Selain dari itu, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain di Wilayah Persekutuan, telah dan sedang melaksanakan projek ekonomi dan sosial seperti program NADI termasuklah Projek Sang Kancil,

dengan tujuan untuk meninggikan lagi taraf hidup penduduk-penduduk setinggan.

Di bawah program NADI ini, Kerajaan memberi perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan dan kemudahan asas, dan pendidikan komuniti dan keluarga bagi kawasan-kawasan setinggan. Projek seperti Projek Sang Kancil dijalankan di 13 buah kawasan di mana pendidikan pra-sekolah, perkhidmatan klinik ibu-ibu mengandungi dan kegiatan ekonomi untuk penambahan pendapatan dijalankan.

Dalam usaha untuk membangunkan semula kawasan-kawasan setinggan, Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Dewan Bandaraya telah mengenalpasti 10 kawasan untuk dibangunkan semula yang melibatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah tetapi bermutu tinggi, kilang-kilang industri, tapak-tapak perniagaan, gerai-gerai penjaja, sekolah-sekolah, kemudahan sosial dan rekreasi dan sebagainya. Ianya melibatkan lebih daripada 11,000 keluarga setinggan. Apabila kawasan setinggan ini dibangunkan semula, mereka akan berpeluang mempunyai tempat berteduh yang lebih selesa daripada kawasan asal mereka serta peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga melaksanakan projek-projek kecil seperti bekalan elektrik, bekalan air, pembinaan jalan-jalan dan jambatan di kampung, pembinaan tempat ibadah dan tempat-tempat rekreasi bagi kawasan-kawasan setinggan. Di masa ini, bil-bil air yang ditanggung oleh Kerajaan bagi bekalan air ke kawasan setinggan adalah dianggarkan sebanyak \$2.5 juta setahun. Pada masa ini lebih kurang 90% kawasan setinggan di Kuala Lumpur telah mempunyai bekalan elektrik.

SEKOLAH RENDAH KAMPUNG BARU SALAK SELATAN— PERUNTUKAN

14. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah peruntukan sejumlah 1.05 juta ringgit diberikan kepada Sekolah Rendah di Kampung Baru Salak Selatan walaupun sudah dipersetujui untuk pembangunan di situ. Jika ini benar, kenapakah ia masih belum mengeluarkan perbelanjaan ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah meluluskan pelaksanaan projek ini dengan anggaran kos \$1.05 juta. Bagaimanapun projek ini terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh masalah kewangan. Pelaksanaannya kelak adalah bergantung kepada keadaan kewangan negara kita.

PERKHIDMATAN KEBANGSAAN (NATIONAL SERVICE)

15. Dr V. David minta Menteri Pertahanan menyatakan jika beliau akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan Perkhidmatan Kebangsaan (National Service) sebagai cara memperkuatkan taraf pertahanan negara dan juga untuk mengurangkan masalah kekurangan perkerjaan yang kian bertambah pada masa ini.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Hulu Selangor pada 21hb Oktober, dan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 8hb Disember, 1986 kerana ketiga-tiga soalan ini membawa maksud yang sama.

Kerajaan masih berpendapat rancangan mewajibkan rakyat di dalam "Perkhidmatan Negara" (National Service) masih belum sesuai lagi diadakan di negara ini. Implementasi mewajibkan rakyat untuk berkhidmat di dalam "National Service" akan memerlukan banyak wang dan kakitangan. Dengan keadaan kemelesetan ekonomi sekarang nampaknya tidak ada peluang langsung untuk mengadakan rancangan ini, sebaliknya pula Kerajaan kita yakin Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai kemampuan untuk menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat. Walau bagaimanapun peluang untuk rakyat berkhidmat dalam Angkatan Tentera sama ada dalam pasukan tetap dan sukarela iaitu seperti P.S.T.D. sentiasa terbuka untuk mereka yang berminat tanpa sebarang paksaan.

Untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan ketenteraan, sebagai sumbangan terhadap pertahanan Negara, pemuda-pemudi digalakkan untuk mendaftar diri sebagai anggota Sukarela dalam Askar Wataniah (PSTD) Pasukan Simpanan Sukarela TLDM dan Pasukan Simpanan Sukarela TUDM. Adalah menjadi harapan Kementerian Pertahanan supaya bilangan anggota Simpanan Sukarela melebihi dari anggota Tentera biasa.

PINJAMAN KEPADA INDUSTRI KECIL

16. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang diberi kepada industri-industri kecil yang berasaskan
- (i) pertanian;
 - (ii) pemerosesan makanan;

- (iii) penternakan;
- (iv) perikanan;
- (v) elektronik (high quality components);
- (vi) perhutanan;
- (vii) kimia dan petro-kimia;
- (viii) tekstil;
- (ix) kejuruteraan dan kejen-teraan;
- (x) barangan keluaran bukan logam;

serta badan-badan kerajaan yang telah membekalkan pinjaman kepada setiap industri yang disebutkan di atas;

- (b) apakah bilangan orang dalam setiap bentuk industri kecil yang disebutkan yang telah menerima pinjaman-pinjaman ini. Apakah sebenarnya jumlah pinjaman atau bilangan usahawan yang dapat dibiayai oleh badan-badan Kerajaan;
- (c) berapa banyak dan bagaimanakah jumlah besar pinjaman dari Bank Dunia kepada sektor industri kecil dibahagikan. Apakah bilangan orang yang telah memohon. Jika bilangannya kecil, mengapa sambutan terhadap kemudahan ini begitu kurang menggalakkan. Apakah di antara langkah-langkah yang diguna untuk menggalakkan usahawan-usahawan supaya mengguna kemudahan ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Program Khas Pembangunan Perusahaan Kecil, semua sektor industri adalah layak diberi pertimbangan untuk mendapat pinjaman kecuali sektor pertanian, penternakan dan perikanan (pure agriculture).

Seperti pada 31hb Ogos, 1986 jumlah pinjaman yang diberikan kepada industri-industri kecil di bawah Program Khas pembangunan Perusahaan Kecil yang berasaskan kepada pemerosesan makanan, perhutanan, kimia dan petrokimia, tekstil, kejuruteraan dan kejenjeraan adalah sebanyak \$10,316,038.00.

Hanya dua badan/agensi kerajaan yang terlibat dalam membekalkan pinjaman tersebut di atas iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF).

Bilangan orang/pengusaha yang telah menerima pinjaman-pinjaman tersebut di atas adalah seramai 133 orang.

Jumlah pinjaman atau bilangan usahawan yang dapat dibiayai oleh BPMB dan MIDF ialah di antara 1,000-1,200 usahawan bagi tempoh tiga (3) tahun.

Jumlah besar pinjaman dari Bank Dunia kepada sektor industri kecil ialah \$234.4 juta iaitu \$210 juta bagi komponen pinjaman kepada usahawan-usahawan dan \$24.4 juta bagi bantuan teknikal untuk memperteguhkan agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan industri kecil ini iaitu Bahagian Perusahaan Kecil, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), ITM, Institut Piawaiian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Bahagian Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), BPMB dan MIDF. Separuh dari jumlah pinjaman \$234.4 juta itu adalah dibiayai oleh Kerajaan sendiri.

Pinjaman kepada industri kecil tidak dibahagikan kepada jenis-jenis industri. Semua jenis industri adalah layak menerima pinjaman tetapi keutamaan adalah diberikan kepada empat industri iaitu:

- (i) Industri memproses makanan;
- (ii) Industri Kejuruteraan ringan dan kimpalan;
- (iii) Industri berasaskan kayu, buluh dan rotan;
- (iv) Industri mengeluarkan bahan binaan, barang-barang plastik dan seramik.

Walau bagaimanapun, semua jenis aktiviti bercorak pengeluaran pertanian (pure agriculture), perkhidmatan professional seperti guaman, perunding kejuruteraan, akitek dan lain-lain adalah terkeluar dari skop pembiayaan di bawah program pinjaman dari Bank Dunia ini.

Bilangan pemohon sehingga akhir September 1986 ialah 710 orang. Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pemohon ini adalah kecil dan sebab-sebab sambutan terhadap kemudahan ini kurang menggalakkan adalah:

- (i) Kelembapan ekonomi yang berterusan;
- (ii) Saiz pinjaman yang boleh diberikan kepada pengusaha adalah kecil kerana dihadkan untuk syarikat-syarikat yang mempunyai modal dibayar kurang daripada \$300,000;
- (iii) Projek-projek yang dicadangkan oleh usahawan adalah tidak sesuai dan tidak memenuhi syarat-syarat pinjaman (bankable);
- (iv) Industri kecil terlampau menumpu kepada projek-projek yang telah diusahakan oleh ramai usahawan dan tidak banyak bidang baru yang diterokai;

- (v) Bilangan usahawan yang tulin dan terlatih adalah berkurangan dan perniagaan adalah merupakan pilihan terakhir bagi mereka;
- (vi) Masalah-masalah persendirian yang dihadapi oleh usahawan-usahawan seperti tidak mempunyai cagaran, mempunyai mesin yang lama dan kurang modal ekuiti.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk menggalakkan usahawan-usahawan supaya lebih ramai mengguna kemudahan pinjaman ini adalah:

- (i) Menaikkan had kelayakan syarikat-syarikat yang layak menerima pinjaman daripada syarikat yang mempunyai ekuiti kurang dari \$250,000 kepada syarikat yang mempunyai ekuiti tidak lebih dari \$750,000;
- (ii) Memperluaskan jenis industri yang layak menerima pinjaman selain dari empat industri utama kepada industri-industri yang berasaskan getah, kaca, perdagangan, perkhidmatan, pemegang agensi, wakil-wakil penjual (agents) dan lain-lain lagi;
- (iii) Mempertingkatkan usaha-usaha promosi dengan mengadakan seminar atau bengkel di peringkat negeri dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat-pejabat Daerah dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

AJARAN SESAT

17. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah amalan-amalan sesat atau tarikat-tarikat yang menyalahi "Akidah Islamiyah" yang telah dapat dikaji dan diselidiki oleh Pusat Islam dan adakah Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat keputusan muktamad mengenainya.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Setakat ini sejumlah 50 jenis ajaran dan amalan yang telah dapat dikaji dari jumlah itu 23 telah didapati sebagai ajaran sesat yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Ajaran yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagai menyalahi akidah Islamiah setakat ini ialah ajaran Qadiani atau Ahmadiyah dan Tarikat Mufarridiah. Di samping itu Jawatankuasa-jawatankuasa Fatwa Negeri telah membuat keputusan mengenai beberapa ajaran dan amalan sebagai menyeleweng akidah Islamiyah.

SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN—PENUBUHAN

18. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menjelaskan tentang prospek Suruhanjaya Selatan-Selatan (South-South Commission) untuk membebaskan negara-negara dunia ketiga daripada cengkaman kuasa-kuasa besar dan maju, memandangkan bahawa sehingga kini, sebahagian besar malah hampir kesemua negara-negara kecil yang tergulung dalam dunia ketiga, termasuklah Malaysia, masih bergantung kepada kewangan dan modal, perdagangan dan teknologi, keselamatan dan ketenteraan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Salah satu tujuan utama penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan adalah untuk memajukan

kerjasama Selatan-Selatan dalam berbagai bidang seperti perdagangan, kewangan, tenaga, bahan-bahan mentah, industri, teknologi, pelaburan dan pembangunan. Oleh sebab kurangnya kemajuan yang berkesan sehingga kini dalam dialog Utara-Selatan, negara-negara membangun telah pun mula menumpukan usaha-usaha mereka terhadap memajukan kerjasama Selatan-Selatan. Suruhanjaya Selatan akan membuat syor-syor tertentu bagi mengurangkan kemerosotan ekonomi negara-negara Selatan melalui kerjasama Selatan-Selatan yang lebih meluas. Suruhanjaya Selatan juga bertujuan untuk mempercepat dan memperkukuh usaha-usaha kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara membangun berdasarkan kepentingan bersama dan penggunaan sumber-sumber yang ada secara lebih rasional.

Walau bagaimanapun apa yang telah dipersetujui di dalam berbagai Persidangan Antarabangsa yang diadakan untuk memaju kerjasama tersebut adalah bukan untuk mengganti kerjasama Utara-Selatan. Sebaliknya kerjasama tersebut adalah bagi memperkukuh perpaduan dan solidaritansi di kalangan negara-negara membangun dan untuk menegaskan pentingnya kerjasama Selatan-Selatan sebagai sebahagian daripada sistem ekonomi dunia yang disusun semula khususnya dalam konteks strategi menyeluruh untuk penyusunan semula ekonomi dunia seperti yang dicadangkan dalam Order Baru Ekonomi Antarabangsa.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini pembangunan ekonomi negara-negara Selatan masih bergantung kepada negara-negara maju di Utara untuk mendapatkan kewangan, modal, perdagangan, industri, teknologi dan keselamatan. Oleh kerana itu Suruhanjaya Selatan yang bertujuan untuk memajukan

kerjasama Selatan-Selatan akan berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan tahap penggantungan negara-negara membangun kepada negara-negara maju di Utara. Walau bagaimanapun kerjasama saksama Utara-Selatan tidak akan diketepikan.

Prospek Suruhanjaya Selatan untuk menghasilkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara membangun adalah semakin nyata setelah Dr Julius Nyrere, bekas Presiden Tanzania bersetuju untuk mempengerusikan Suruhanjaya tersebut. Sebagai Pengerusi, beliau akan memilih ahli-ahli Suruhanjaya bagi meliputi benua-benua Asia, Afrika dan Amerika Latin dan seterusnya mengemukakan syor-syor, khususnya yang praktikal, untuk dilaksanakan.

BADMINTON—MENAIKKAN TARAF

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah Kementerian ini berminat untuk menaiki taraf badminton dalam negara kita di bawah mana negara kita telah dikemukakan dalam dunia ini pada tahun lima puluhan. Jika ada apakah tindakan-tindakan positif yang akan diambil oleh Kerajaan kita untuk mencapai tujuannya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa berminat dan mengambil berbagai-bagai langkah membantu Persatuan Badminton Malaysia untuk mempertingkatkan prestasi badminton bagi mencapai keputusan-keputusan yang cemerlang di kalangan antarabangsa.

Persatuan Badminton Malaysia dengan kerjasama Majlis Sukan Negara di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang melaksanakan program di bawah projek Target 1988-1990. Program ini

merupakan satu usaha untuk mewujudkan kumpulan pelapis yang akan mengambil alih peranan pemain-pemain kebangsaan secara berperingkat-peringkat. Selain daripada itu, usaha memberi latihan dan pendedahan kepada pemain-pemain kebangsaan sekarang diteruskan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memilih sukan badminton sebagai salah satu daripada sukan-sukan yang diberi keutamaan dari segi perancangan dan pelaksanaan untuk mempertingkatkan pencapaian di peringkat antarabangsa.

Melalui program pelapis dan program bakat, ahli-ahli sukan badminton yang berpotensi akan digalakkan menyertai kejohanan-kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

HOSPITAL DAERAH BUTTERWORTH/NIBONG TEBAL/BALIK PULAU— PERKHIDMATAN

20. Tuan Mohammad Yusof bin Haji Abd. Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Hospital-hospital Daerah Butterworth, Nibong Tebal dan juga Balik Pulau tidak diberi perhatian sewajarnya terutama dalam penambahan wad, katil-katil dan juga perkhidmatan pakar.

Dato' K. Pathmanaban: Adalah tidak benar bahawa Kementerian Kesihatan tidak memberi perhatian sewajarnya kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada Hospital Daerah Butterworth, Hospital Daerah Sungai Bakap dan Hospital Daerah Balik Pulau. Semenjak Rancangan Malaysia Ketiga beberapa projek untuk menambah dan membaiki wad-wad serta kemudahan-kemudahan sokongan telah dilaksanakan di Hospital-hospital tersebut.

Ditahap pembangunan sosio-ekonomi negara kita dan pembekalan tenaga manusia, Kementerian Kesihatan tidak dapat mengadakan perkhidmatan pakar untuk tiap-tiap Hospital Daerah. Seseorang yang memerlukan perkhidmatan kepakaran biasanya dirujuk kepada Hospital yang berdekatan yang mempunyai perkhidmatan kepakaran. Ini adalah selaras dengan sistem-sistem rujukan yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Hospital-hospital Daerah dilawati dari masa ke semasa oleh pakar-pakar yang ditempatkan di Hospital yang berhampiran.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA KUALA KRAI—GUA MUSANG

21. Tuan Mohamed bin Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang dibuka kepada orang ramai, berapa banyakkah kemalangan Jalanraya di lebuhraya itu berlaku dan dalam banyak kemalangan itu berapakah jumlah kematian akibat kemalangan sejak 3 tahun lepas hingga sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak lebuhraya Kuala Krai-Gua Musang dibuka pada 23hb Oktober, 1983 sehinggalah pada 30hb September 1986, jumlah kemalangan yang dilaporkan ialah sebanyak 79 kes di mana ianya telah mengakibatkan kematian sejumlah 20 orang.

KONTRAK PEKERJAAN

22. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak kontrak pekerjaan yang diberi kepada setiap negara asing tiap-tiap tahun sejak tahun 1981 dan nyatakan

juga sama ada Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk mengupah pakar-pakar dan juruteknik-juruteknik memberi nasihat kepada hal-hal berkenaan dengan kontrak pekerjaan daripada memberikan kontrak-kontrak itu kepada orang-orang asing. Jika tidak, beri sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kontrak-kontrak kerja Kerajaan yang diberi kepada kontraktor-kontraktor luar negeri mulai 1981 adalah berjumlah empat ribu tiga ratus empat puluh lapan juta, tujuh ratus empat puluh empat ribu, tiga ratus enam puluh tujuh ringgit (\$4,348,744,367). Di antara negara-negara yang telah mendapat kontrak yang besar dari tahun 1981 hingga 1986 adalah seperti berikut:

United Kingdom	Satu ribu empat ratus sembilan puluh juta, tujuh puluh tujuh ribu, enam ratus tujuh puluh lima ringgit (\$1,490,077,675).
Korea Selatan	Satu ribu empat ratus empat juta, lapan ratus lima puluh enam ribu, tujuh ratus dua puluh lapan ringgit (\$1,404,856,728).
Jepun	Dua ratus lapan puluh tujuh juta, enam ratus tujuh puluh empat ribu, lima ratus lapan puluh tujuh ringgit (\$287,674,587).
Hong Kong	Dua ratus enam puluh empat juta, satu ratus lima puluh tujuh ribu, tiga ratus lapan puluh tujuh ringgit (\$264,157,387).
Jerman Barat	Dua ratus enam puluh tujuh juta, satu ratus tiga puluh lima ribu, tujuh ratus dua puluh satu ringgit (\$267,135,721).
Yugoslavia	Dua ratus enam belas juta, enam ratus empat puluh dua ribu, tiga ratus dua puluh satu ringgit (\$216,642,321).
Taiwan	Dua ratus sepuluh juta (\$210,000,000).

Kerajaan sentiasa menggunakan nasihat pakar-pakar tempatan di dalam pelaksanaan projek-projeknya.

Walau bagaimanapun, bagi projek-projek yang khusus (specialised) atau sofistikated yang mana kepakaran tidak didapati di Malaysia, maka Kerajaan terpaksa mengambil pakar-pakar dari luar negeri. Perlantikan pakar perunding luar negeri dibuat berdasarkan kepada dua kriteria utama iaitu:

- (i) untuk mematuhi syarat-syarat pinjaman dari negara-negara asing, sebagaimana terkandung di dalam syarat-syarat perjanjian pinjaman yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan pemberi pinjaman luar negeri, dan
- (ii) ketiadaan pakar-pakar tempatan di dalam bidang perkhidmatan yang diperlukan.

Bagaimanapun di dalam kedua-dua kriteria di atas, firma-firma asing yang dilantik adalah dikehendaki bergabung dengan firma perunding tempatan.

KOMANWEL—PENARIKAN DIRI

23. Tuan Hu Sepang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menarik diri dari Komanwel sebagai membantah apartheid dan juga disebabkan kurangnya tindakan yang diambil oleh Britain terhadap Afrika Selatan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Titiwangsa pada tarikh 16-10-86 yang mana soalan beliau bersama maksudnya.

Soal mengkaji semula penglibatan dan keahlian kita di dalam mana-mana Pertubuhan Antarabangsa adalah satu usaha yang berterusan sememangnya dilakukan oleh Kerajaan supaya dapat kita menentukan keberkesanan

Pertubuhan berkenaan dengan menghadapi cabaran politik dan ekonomi masakini dan menemui objektif-objektif yang telah dipersetujui oleh ahli-ahlinya.

Kita sedar bahawa adakala mungkin sesebuah Pertubuhan itu tidak dapat memenuhi kehendak ahli dalam menghadapi satu-satu isu semasa, seperti kegagalan Pertubuhan Komanwel dalam tindakan bersama mengenai dasar Apartheid Afrika Selatan. Tetapi soal penarikan diri dari menjadi ahli mana-mana Pertubuhan akan hanya dipertimbangkan tatkala ia tidak memberi faedah dan manfaat lagi kepada negara kita. Dengan itu kajian mendalam perlu dibuat sebelum kita membuat sesuatu keputusan muktamad.

RAKYAT MEMBURUKKAN NEGARA/PEMIMPIN MALAYSIA

24. Tuan Mohamed bin Isa minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada rakyat negeri ini yang melawat keluar negeri ada di antara mereka ambil kesempatan apabila sampai ke Negara Asing menceritakan keburukan negara kita (Malaysia) dan memburuk-burukkan pemimpin Malaysia. Jika sedar apakah tindakan Kerajaan dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan membatalkan PASPORT perjalanan mereka dan merampas hak kerakyatan mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sedar bahawa ada segelintir rakyat Malaysia yang memburuk-burukkan negara ini dan pemimpin-pemimpin di luar negeri.

Jika Kerajaan mempunyai maklumat tertentu mengenai perkara ini, tindakan yang sesuai akan diambil terhadap mereka itu.

Mengenai penarikan balik Pasport Malaysia, Kerajaan hanya akan bertindak demikian jika seorang pemegang Pasport itu melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan negara, ketenteraman awam atau kepentingan negara.

Kerajaan hanya boleh melucutkan kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia mengikut Perkara 24 dan 25 Perlembagaan Malaysia.

Perkara 24 Perlembagaan Malaysia memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melucutkan kewarganegaraan seorang warganegara Malaysia kerana memperoleh kewarganegaraan asing atau menggunakan hak-hak kewarganegaraan asing. Di bawah Perkara 25 Perlembagaan Malaysia, Kerajaan Persekutuan boleh dengan perintah melucutkan kewarganegaraan yang memperoleh taraf itu dengan jalan pendaftaran di bawah Perkara 16A atau 17 atau dengan jalan masukan. Tindakan ini boleh diambil ke atas mereka yang telah menunjukkan dengan perbuatan atau percakapan, yang mereka tidak taat atau tidak setia kepada Kerajaan.

HICOM—PERBELANJAAN PROJEK INDUSTRI BERAT

25. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk HICOM bagi industri-industri berat—kereta dan besi—dan jumlah wang subsidi dibelanja tiap-tiap tahun bagi bantu industri-industri itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk HICOM bagi projek-projek industri

berat—projek kereta nasional dan projek kilang besi—setakat ini adalah sebanyak \$232.5 juta.

• Bagi menjawab soalan yang kedua, sukalah saya menjelaskan bahawa sehingga kini tidak terdapat sebarang subsidi yang dikeluarkan setiap tahun bagi membantu kedua-dua projek berkenaan.

UNIVERSITI MERDEKA

26. Dr V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau akan menimbang semula permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka yang telah ditolak oleh mahkamah-mahkamah tempatan, kerana kekurangan institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita pada masa ini. Penubuhan universiti tersebut hendaklah dilihat sebagai satu perjanjian Kerajaan untuk menentukan peluang-peluang pelajaran tinggi kepada belia yang layak, dan juga mereka tidak dinafikan peluang-peluang kerana masalah fizikal seperti kekurangan tempat di institusi-institusi yang ada sekarang.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kerajaan tidak bercadang untuk menimbang semula permohonan menubuhkan Universiti Merdeka kerana perkara ini sudah pun ditolak oleh mahkamah. Kerajaan juga mahu memastikan bahawa sistem pelajaran tinggi di negara ini sentiasa tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej serta Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Mengenai peluang untuk pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke Universiti-universiti pula, saya telah menjawabnya pada 13hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Saya tidak bercadang menambah lagi kepada jawapan itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Ketujuh.” (14hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

3.34 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbincangan atas Titah Diraja di Dewan yang mulia ini sejak 8hb Oktober yang lalu.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu khususnya mengenai koperasi, kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, peranan KEMAS, pemasaran barangan kraftangan dan penyediaan tempat-tempat perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil bumiputera yang dilaksanakan oleh MARA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Sepang dan Kluang telah membangkitkan mengenai koperasi. Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah meminta penjelasan mengenai tindakan yang diambil ke atas pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai 24 buah koperasi yang dibekukan yang dikatakan telah pecah amanah dan menyalahgunakan kuasa.

Penjelasan juga telah diminta mengenai sama ada 24 koperasi yang dibekukan itu mengikut peraturan Jabatan Koperasi ataupun tidak mengikut peraturan; sama ada gaji pegawai dan kakitangan pentadbiran koperasi dibayar dari wang simpanan ahli-ahli koperasi berkenaan dan sama ada Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi dan Pengarah-pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri tahu tentang prinsip akaun koperasi dan mengapa Ketua Pengarah ataupun Pendaftar Koperasi membenarkan lesen-lesen dikeluarkan dan mengapa Kerajaan membenarkan ahli-ahli politik memimpin koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan bahawa Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai 24 koperasi yang dibekukan itu menyalahgunakan kuasa dan pecah amanah, saya suka menerangkan di sini bahawa Bank Negara telah pun menjalankan penyiasatan ke atas semua koperasi berkenaan dan di mana terdapat tanda-tanda adanya perbuatan

menyeleweng, laporan kepada Polis telah dibuat bagi membolehkan pihak tersebut menyasiat kes-kes yang disyaki itu.

Selain daripada itu, berhubung dengan pembekuan ke atas 24 buah koperasi itu, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat yang dipengerusikan oleh Bank Negara yang bertujuan antara lain untuk mendapatkan pandangan pendeposit-pendeposit dan wakil-wakil koperasi berkenaan bagi mengkaji masalah-masalah serta mengemukakan cadangan yang sesuai untuk pelaksanaan.

Jawatankuasa ini telah memulakan kerjanya pada 26hb September, 1986 yang lalu dan ia masih menjalankan tugasnya. Oleh itu Kerajaan belum lagi dapat mengumumkan bila dan bagaimana kedudukan 24 buah koperasi itu boleh diselesaikan.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kluang sama ada koperasi-koperasi tersebut mengikut peraturan, boleh dikatakan ke semua 24 buah koperasi yang terlibat itu telah tidak mengikut ke semua kehendak Akta Koperasi dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

Mengenai bayaran gaji kepada pegawai dan kakitangan pentadbiran koperasi-koperasi tersebut, Bank Negara telah memberi kebenaran kepada koperasi-koperasi itu untuk mengeluarkan sebahagian daripada pendapatannya untuk membayar gaji pegawai-pegawai dan kakitangannya yang bergaji kurang dari \$1,000 sebulan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar Koperasi, tetapi saya ingin

menjelaskan di sini bahawa koperasi-koperasi tidak ada diberi lesen untuk menjalankan kegiatan urusan kewangan sepertimana yang diberikan oleh Bank Negara kepada syarikat kewangan ataupun Bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menegaskan di sini bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi mempunyai pengetahuan dalam ilmu perakaunan koperasi.

Berhubung dengan perkara ahli-ahli politik memimpin koperasi sebagaimana dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang itu, saya suka menerangkan bahawa Kerajaan tidak boleh menghalang sesiapa juga rakyat negara ini untuk menjadi ahli mana-mana koperasi. Semasa mesyuarat agung koperasi dijalankan adalah terpuang kepada ahli-ahlinya untuk memilih siapa yang akan memimpin koperasi mereka dan Kerajaan tidak ada campurtangan dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung telah mendakwa bahawa Kerajaan telah melambat-lambatkan tindakan ke atas masalah koperasi sehingga selepas Pilihanraya. Dakwaan ini adalah sama sekali tidak benar kerana pada masa itu Jabatan Pembangunan Koperasi sedang menjalankan siasatan ke atas koperasi-koperasi yang menerima deposit daripada ahli-ahlinya dan orang ramai, dan adalah tidak wajar bagi Kerajaan membuat kenyataan mengenainya sebelum penyiasatan itu selesai.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, minta jalan ataupun apa. Minta jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya! hendak benar?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat tahu bahawa walaupun dikatakan siasatan dijalankan sebelum pilihanraya umum itu, pengumuman daripada Yang amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga bekas Menteri di Kementerian Yang Berhormat sekarang pernah mengumumkan K.K.K. itu, dengan itu bertambahlah bilangan yang menyimpan wang di dalam koperasi ini dan ini bukannya satu kecuaihan. Satu pengumuman yang buruk untuk rakyat negara ini dan keduanya mengapakah Kementerian Yang Berhormat tidak menyediakan payung sebelum hujan dan tidak mengetahui aktiviti-aktiviti yang begitu buruk yang berlaku di dalam koperasi-koperasi ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan menubuhkan K.K.K., bermakna bahawa Kerajaan telah menyediakan payung sebelum hujan dan kalau Ahli Yang Berhormat itu menyatakan bahawa Kerajaan tidak menjalankan tindakan ke atas koperasi-koperasi sebelum pilihanraya, sebuah koperasi telah diambil tindakan sebelum kita mengadakan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seruan beliau supaya Kerajaan bertanggungjawab menyelamatkan simpanan 540,000 orang penyimpan-penyimpan dalam 24 buah koperasi tersebut, setakat ini Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenainya, kerana Jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi masih lagi menjalankan tugas-tugasnya. Berkaitan dengan perkara ini saya suka menegaskan bahawa kes 24 buah koperasi itu tidak boleh disamakan dengan kes Bank Rakyat dan kes Bank Bumiputera Malaysia Berhad yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung itu kerana dalam kes Bank Rakyat pinjaman

yang diberikan kepada Bank bukan untuk dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahlinya, tetapi adalah untuk digunakan sebagai modal pusingan Bank itu sendiri. Berkenaan dengan kes BBMB pula ianya adalah Bank yang dimiliki oleh Kerajaan dan oleh itu Kerajaan bertanggungjawab untuk menyelamatkannya.

Berkenaan dengan Co-operative Central Bank, atau CCB, dengan izin, penyiasatan ke atasnya sedang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang, telah juga membuat beberapa syor untuk mengatasi masalah 24 buah koperasi berkenaan. Antara syor-syor itu adalah supaya Akta Koperasi dipinda untuk membolehkan Kerajaan merampas harta mereka yang bersalah, menubuhkan Bank Pusat Koperasi, mengeluarkan 50% dari deposit yang diterima dan menubuhkan Bahagian Hal Ehwal Koperasi di Bank Negara. Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah mengambil perhatian ke atas syor-syor Yang Berhormat itu dan saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Belud dan dari Sibu telah meminta supaya kemudahan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik dan air di luar bandar di kawasan mereka diberi perhatian. Berhubung dengan perkara ini saya suka memaklumkan bahawa sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut seberapa daya yang boleh di semua kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan pendalaman. Bukan sahaja di Sabah dan di Sarawak bahkan di seluruh negara kita ini. Walau bagaimanapun, keupayaan pelaksanaannya adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang membangkitkan tentang peranan Jabatan Kerjaraya dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang berlumba-lumba untuk membina jalan di luar bandar tetapi masing-masing melepaskan tangan apabila timbul masalah untuk memperbaiki jalan-jalan tersebut. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya adalah bertanggungjawab menyedia dan menyalurkan peruntukan bagi jalan-jalan di luar bandar terus kepada Jabatan Kerja Raya Negeri selaku agensi pelaksana projek. Manakala peruntukan bagi menaikkan taraf jalan kampung pula adalah disalurkan kepada pejabat daerah melalui pejabat Kemajuan Negeri untuk perlaksanaannya. Kementerian saya tidak terlibat dalam penyelenggaraan jalan luar bandar di mana ianya adalah dibuat di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Negeri yang telah diberi peruntukan terus oleh Kementerian Kewangan untuk menyelenggarakan jalan-jalan negeri dan jalan-jalan luar bandar.

Bagi program menaikkan taraf jalan kampung pula, peruntukan diselenggarakan di bawah Kementerian saya telah mula diadakan pada tahun 1986 ini. Berhubung dengan sungutan Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud bahawa para peniaga bumiputera tidak diberi tempat-tempat berniaga yang strategik, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan kawasan-kawasan perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada para peniaga. Bagi Kementerian saya perkara ini sememangnya ditekankan, di mana MARA telah menyediakan tempat-tempat perniagaan yang strategik dan selesa di kawasan-kawasan luar bandar, bandar-bandar kecil dan juga bandar-bandar besar untuk menampung permintaan peniaga-peniaga bumiputera. Boleh dikatakan

bangunan-bangunan perniagaan MARA wujud di setiap bandar di seluruh negara dengan kedudukannya yang strategik. Saya sendiri telah pernah mengingatkan MARA untuk memberi penekanan kepada perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa begitu ghairah dan membuat tohmah bahawa tugas Bahagian Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS di bawah Kementerian saya adalah membentuk masyarakat dan pemimpin yang asyik berjoli, berpoya-poya dan rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal sama sekali tohmahan tersebut. Saya hendak menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa KEMAS adalah ditugaskan untuk mengubah sikap dan membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat, terutamanya di luar bandar supaya mereka melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi dan untuk mengeratkan kerjasama di antara rakyat dengan Kerajaan bagi mewujudkan satu masyarakat yang maju dan berdikari. Sekiranya ada terdapat anggota-anggota KEMAS yang terlibat dalam perbuatan-perbuatan yang menyeleweng dari peranan ini dan boleh mencemarkan nama baik KEMAS, saya jemput Ahli Yang Berhormat itu untuk melaporkan hal yang berkenaan kepada saya.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pula menyarankan supaya KEMAS mengadakan kelas jahitan kepada orang-orang buta dan belia-belia yang tinggal di rumah-rumah pangsa supaya mereka dapat mengambil upah menjahit atau membuka kedai jahitan untuk menambah pendapatan mereka. Syor Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji oleh KEMAS dan sekiranya didapati sesuai dan wajar, ianya akan dilaksanakan.

Mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam, supaya Kementerian memberi penekanan kepada pemasaran barang-barang keluaran "cottage industry", saya suka memaklumkan bahawa perkara ini sememangnya diberi perhatian utama oleh Kerajaan pada masa ini. Oleh kerana itu dalam tahun 1983 lagi Kerajaan telah menubuhkan sebuah syarikat pasaran kraftangan yang diberi nama syarikat pemasaran Karyanika Sendirian Berhad. Kini telah pun mempunyai beberapa cawangan pusat jualan di seluruh negara selain daripada pusat KARYANEKA di Jalan Raja Chulan.

Prestasi pemasaran dan jualan syarikat tersebut adalah menggalakkan. Bagaimanapun oleh kerana adanya masalah untuk memenuhi permintaan yang kian bertambah di pasaran tempatan bagi barang-barang yang bermutu keluaran penduduk, maka penekanan buat masa ini adalah bagi pemasaran dalam negeri, kecuali bagi keluaran batik dan songket yang telah mendapat pemasaran yang baik di luar negeri. Kementerian juga sentiasa menekan agar usaha-usaha dibuat semoga barang-barang keluaran pengusaha-pengusaha tempatan boleh dikeluarkan dengan mutu yang setanding dan harga yang boleh bersaing dengan barang-barang keluaran negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan mengenai kegagalan program pemulihan kampung di mana beliau menyatakan bahawa Kerajaan hanya menekankan kepada pembangunan fizikal. Saya ingin menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa rancangan pemulihan kampung telah ditangguhkan pelaksanaannya sejak tahun 1985 lagi. Oleh yang demikian, rancangan berkaitan dengannya tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja serba-sedikit jawapan saya ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan dengan Kementerian saya. Berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak saya sentuh dalam ucapan saya ini tetap akan diberi perhatian. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian saya akan terus berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai objektifnya untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk-penduduk negara ini, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar yang masih belum merasai nikmat pembangunan selaras dengan slogan Tradisi Membela Rakyat. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh berkenaan dengan Kementerian saya.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perusahaan Awam.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, hanya terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Larut yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan perkara yang melibatkan LPN. Saya tidak bercadang untuk memberi ulasan mengenai masalah pembelian padi di Kedah dan Perlis oleh kerana perkara ini telah pun saya jelaskan dengan panjang lebar pada 8hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini sewaktu menjawab Pertanyaan Mulut Wakil dari Kota Setar.

Saya hanya ingin membuat beberapa komen terhadap hujah Yang Berhormat dari Tanjong. Sebenarnya UMNO Kedah terperanjat apabila Yang Berhormat itu melawat ke Kompleks LPN Anak Bukit ialah kerana semenjak tertubuhnya LPN dalam tahun 1971, iaitu dalam masa 15 tahun belum pernah sekalipun Yang Berhormat itu ataupun mana-mana ahli DAP atau wakil DAP yang telah mengambil berat dan membantu menyelesaikan masalah LPN, apatah lagi membuat lawatan. Bolehlah disimpulkan bahawa lawatan sulung itu yang hanya merupakan lawatan "tengok dan pandang" adalah sebenarnya lawatan politik kerana belum ada saya terima apa-apa cadangan konkrit untuk menyelesaikan masalah sehingga setakat ini selain daripada mengulangi cadangan-cadangan yang lama.

Saya kesal bahawa Yang Berhormat itu mentafsirkan bahawa jika Menteri atau Timbalan Menteri tidak melawat Kompleks LPN, maka itu bererti mereka tidak mengambil berat masalah petani. Untuk makluman Yang Berhormat, apabila Menteri, Timbalan Menteri ataupun ahli-ahli politik daripada Kerajaan hadir meneliti masalah-masalah tertentu ianya dibuat bukan sahaja acap kali bilangannya, tetapi selalunya tanpa heboh dan publisiti, lebih-lebih lagi lawatan kami adalah lawatan bekerja dan bukan lawatan mendapat modal publisiti yang murah. Bagi Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri, kami bukan sahaja mengambil berat masalah LPN, tetapi bertindak mengatasi masalah ini. Tindakan yang kami dan seluruh Kementerian ambil bukannya melalui akhbar seperti membuat gesaan dalam akhbar, membuat saranan melalui akhbar ataupun membuat cadangan melalui media massa seperti yang dibuat oleh Pembangkang. Cara kami dalam Kerajaan bertindak ialah berbincang dan mencari jalan bagaimana bukan

sahaja masalah semasa, seperti kesesakan di musim menuai dapat diatasi, tetapi juga masalah-masalah jangka panjang untuk diselesaikan.

Mengenai tuduhan pagar makan padi dan sebagainya yang dilemparkan kepada kakitangan LPN, saya inginlah menekankan bahawa sebahagian yang terbesar kakitangan LPN adalah terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab dan berrmaruah serta beramanah. Mungkin dalam kumpulan yang begitu besar ada segelintir yang prestasinya tidak seperti yang diharapkan ataupun yang keamanahannya dicurigakan. Janganlah kita memburuk-burukkan keseluruhan yang bekerja dengan dedikasi semata-mata kerana segelintir yang merupakan titik hitam kepada organisasi itu. Suka saya menyatakan bahawa tindakan tegas telah pun diambil dan akan terus diambil ke atas sesiapa juga yang terbukti melakukan apa juga perkara-perkara yang melanggar peraturan dan undang-undang.

Suka saya menegaskan di sini bahawa apabila tindakan diambil, tidak perlu bagi Kerajaan mengheboh-hebohkan ataupun mengumumkan di seluruh media massa. Yang penting bukanlah publisiti yang timbul daripadanya, tetapi ialah kekesan segala tindakan yang telah diambil. Pihak Badan Pencegah Rasuah telah lama bekerjasama dengan pihak LPN dalam hal menyiasat perkara-perkara yang kerap kali diadukan sendiri oleh LPN ke atas apa-apa juga penyelewengan. Sejak tahun 1977, 84 orang kakitangan LPN telah diambil tindakan disiplin, iaitu:

- (a) celaan—seorang;
- (b) ditahan kerja dengan dibayar separuh gaji—43 orang;
- (c) ditahan kenaikan gaji—13 orang; dan
- (d) ditamatkan perkhidmatan—27 orang.

Selain dari itu, beberapa orang lagi sedang diambil tindakan disiplin yang sewajarnya oleh LPN berdasarkan kepada laporan-laporan yang terbaru yang baru diterima daripada Badan Pencegah Rasuah.

Mengenai lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Kompleks LPN Anak Bukit, suka saya menyatakan bahawa ini tidak ada kena-mengena dengan lawatan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebelumnya. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah singgah ke kompleks itu untuk beberapa ketika kerana kompleks tersebut adalah terletak dalam arah perjalanan beliau semasa menjalankan tugas yang lain.

Saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut yang telah membangkitkan mengenai masalah keperluan latihan bagi kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian saya. Badan-badan di bawah Kementerian Perusahaan Awam sememangnya mengambil berat ke atas keperluan latihan bagi kakitangan-kakitangannya untuk mempertingkatkan lagi kecekapan mereka, terutama sekali dengan mengikuti kursus-kursus dalam negeri. Bagi kursus-kursus di luar negeri, ini adalah tertakluk kepada kesesuaian tiap-tiap kes seseorang itu untuk dihantar berkursus dan keperluan badan berkanun yang berkenaan. Caranya ialah sama ada dengan diberi biasiswa dengan bergaji penuh, cuti belajar bergaji penuh, cuti tanpa gaji ataupun diminta meletakkan jawatan. Dalam keadaan ekonomi sekarang, badan-badan berkenaan hanya dapat membenarkan kakitangan-kakitangan melanjutkan pelajaran mereka dengan cara mengambil cuti tanpa gaji.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

3.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tidak banyak Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh Kementerian saya, tetapi pada keseluruhannya ternyata dan terasa benar bahawa Kementerian Penerangan bagi masa-masa akan datang menghadapi tugas dan tanggungjawab yang makin bertambah berat dan mencabar kerana nampaknya di kalangan Pembangkang telah meningkatkan kerjanya, iaitu kerja menabur dakyah dan fitnah yang tidak bertanggungjawab cuma bagi tujuan untuk menjejaskan pemimpin-pemimpin Kerajaan dan negara dan membalas dendam di atas kekalahan mereka yang teruk baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang amalan demokrasi yang diragukan dan dibangkitkan oleh Wakil Pengkalan Chepa seolah-olah menggambarkan kononnya bahawa amalan demokrasi kita bercanggah dengan konsep aqidah dan taqwa. Saya ingin menegaskan bahawa amalan demokrasi yang diadakan di negara ini adalah selaras dengan Islam dan caranya seperti kita mengadakan pilihanraya dan duduk bersama bincang hal-hal rakyat, meluluskan Rang Undang-undang di Parlimen ini tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Amalan demokrasi ini sudah diterima oleh semua sebagai satu cara yang sesuai bagi masa ini untuk menyelesaikan masalah yang ada dan ia adalah merupakan soal-soal pentadbiran. Walaupun ia merupakan pentadbiran yang dicipta oleh manusia, tetapi ia tidak bercanggah dengan mana-mana konsep dalam ajaran Islam. Jika Wakil dari Pengkalan Chepa menganggap bahawa demokrasi yang diamalkan di negara ini adalah asing dari agama Islam atau ia merupakan tradisi Yunani Greek yang ditegah oleh

syarak, maka mengapa PAS melibatkan diri dalam setiap pilihanraya yang dihalalkan oleh demokrasi yang berkenaan. Jika PAS dengan penuh yakin menganggap bahawa demokrasi yang ada ini adalah bertentangan dengan Islam, maka tidak patut sama sekali PAS melibatkan diri dalam pilihanraya dan pemimpin-pemimpin PAS hendaklah membubarkan partinya kerana melibatkan diri dalam sesuatu kegiatan yang mereka sendiri yakin haramnya, maka penglibatan tersebut adalah haram hukumnya.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang usaha mencegah penyalahgunaan dadah yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya Kementerian ini telah pun menyusun rancangan bertindak 5 tahun anti-dadah. Kita telah mengatur program, antara lainnya, program menggunakan bekas penagih dadah sebagai agen penyampai. Baru-baru ini, iaitu pada 5hb hingga 11hb Oktober, 1986 Kementerian Penerangan dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri, Pasukan Petugas Anti-Dadah dan agensi-agensi lain yang berkaitan dengan pencegahan dadah telah berjaya menganjurkan satu Kursus Penceramah Anti-dadah kepada bekas-bekas penagih.

Kursus ini adalah bertujuan untuk melatih bekas-bekas penagih yang telah menjalani proses rawatan dan pemulihan serta pulih dari ketagihan dadah menjadi penceramah yang mampu menyampaikan message anti dadah kepada orang ramai. Melalui kursus ini pihak Kementerian berharap dapat dibentuk satu Penal Penceramah Anti Dadah yang kemudiannya nanti dapat digunakan untuk melaksanakan kempen pencegahan dadah.

Sebagai permulaan dalam tahun 1986 ini, seramai 25 orang bekas penagih dadah telah dilatih. Seramai 20 orang bekas penagih seterusnya akan dilatih setiap tahun sehingga tahun 1989. Melalui kursus ini bekas-bekas penagih telah dilatih dengan teknik-teknik berceramah di samping cara-cara menyampaikan pengakuan mengenai pengalaman mereka menghadapi dan mengatasi masalah ketagihan dadah. Adalah diharapkan melalui pengalaman sendiri seseorang bekas penagih boleh menyampaikan message anti dadah dengan cara yang lebih berkesan kepada orang ramai, malah seseorang bekas penagih boleh dijadikan sebagai model supaya murid-murid sekolah menjauhi dadah.

Tenaga bekas-bekas penagih yang telah menyertai kursus ini akan digunakan oleh Jabatan Penerangan melalui kegiatan-kegiatan seperti Majlis Sivik dalam usaha menggiatkan kempen anti dadah di seluruh negara. Pihak Kementerian juga menjemput mana-mana agensi, pertubuhan-pertubuhan, pusat-pusat pengajian tinggi ataupun sekolah-sekolah yang ingin mendapatkan khidmat bekas-bekas penagih untuk memberi ceramah di tempat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah serba sedikit dari saya dan Kementerian saya akan meneruskan tugasnya selaras dengan cita-cita negara dan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput daripada Kementerian Pertahanan.

4.30 ptg.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk memberi sedikit jawapan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat dalam perbincangan

mengenai menyokong Titah Ucapan Di Raja iaitu Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah mengingatkan Kementerian Pertahanan supaya sentiasa berwaspada terhadap perkembangan di rantau ini dan hendaklah sentiasa mengkaji dari segi kelengkapan pertahanan dalam menghadapi sebarang ancaman. Kerajaan memang sentiasa mengawasi setiap perkembangan yang berlaku sekitar rantau ini khasnya yang dianggap mempunyai potensi di dalam mengancam keselamatan negara. Penekanan tidak hanya diberi dalam melengkapkan angkatan tentera dengan peralatan moden tetapi juga ke arah mempertingkatkan keupayaan pertahanan untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan negara. Oleh itu angkatan tentera akan terus diperlengkapkan dengan senjata dan peralatan moden di mana diperlukan untuk mencapai tahap keupayaan yang dirancangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa pula telah menyarankan supaya ASEAN mengadakan kerjasama ketenteraan di kalangan negara ahli dan kalau perlu satu pakatan tentera diadakan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan pembentukan ASEAN adalah berasaskan kepada hasrat negara-negara anggotanya untuk mencapai satu pembangunan serantau melalui ikatan politik, ekonomi dan kebudayaan, bukannya ikatan ketenteraan. Dengan dasar itu jugalah maka kawasan ini telah menjadi satu rantau yang aman, yang bebas dan yang berkecuali. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerjasama ketenteraan seperti latihan bersama dengan negara-negara anggota dan negara-negara jiran seperti Indonesia,

Negeri Thailand, Singapura dan Brunei Darussalam sentiasa diadakan, dan usaha ini akan diteruskan dari masa ke semasa. Kerjasama ini secara langsung akan mewujudkan satu rangkaian kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam bidang ketenteraan dan ini akan menjadi satu kekuatan bagi kawasan ini yang kita harap akan dapat menjamin supaya kawasan ini akan terus menjadi kawasan yang aman, bebas dan berkecuali.

Menyentuh tentang kemasukan pendatang haram khususnya di negeri Sabah, Ahli Yang Berhormat dari Marudu mencadangkan supaya Pengkalan Tentera Laut diadakan di Pulau Belambangan di utara negeri Sabah. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawasanya pada waktu ini kita belum ada lagi sebarang cadangan untuk mengadakan pengkalan itu. Kita perlu membuat kajian yang meneliti seperti tahap keperluan, kemudahan-kemudahan infrastruktur, kedudukan pasukan keselamatan yang lain di kawasan sekitar dan berbagai lagi perkara yang perlu diambil perhatian. Memandangkan keupayaan pergerakan dan peninjauan (surveillant efforts) pasukan keselamatan di kawasan perairan yang diperlukan adalah difikirkan masa ini memadai, maka masanya belumlah tiba untuk mengambil langkah membina Pengkalan Tentera Laut di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Kementerian Pertanian.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan syor-syor membina mengenai Kementerian Pertanian semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja.

Ahli Yang Berhormat dari Kuatan telah mencadangkan supaya satu program jangka panjang diadakan bagi penanam kelapa. Ingin dijelaskan bahawa syor tersebut adalah selaras dengan dasar Kementerian mengenai penanaman kelapa dan pekebun-pekebun kecil kelapa ini. Semua penggubalan Dasar Pertanian Negara, pihak Kementerian telah menyedari bahawa kelapa sebenarnya tidaklah mempunyai prospek yang begitu cerah memandangkan terdapat banyak jenis-jenis minyak masakan yang berasingan dengan minyak kelapa. Oleh itu Dasar Pertanian Negara telah menetapkan bahawa tanaman kelapa adalah bertujuan bagi memenuhi keperluan tempatan bagi kelapa biji serta menjadi pokok pelindung kepada tanaman koko. Dalam hal ini pihak Kementerian telah dan akan terus mengambil tindakan bagi menggalakkan petani-petani kelapa menyeling tanaman kelapa dengan koko. Sekiranya perusahaan kelapa dan koko ini dapat dijalankan mengikut amalan pertanian moden, maka pokok-pokok kelapa tidak akan mengalami kejadian-kejadian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan itu juga mencadangkan supaya pelaburan ternakan lembu dibuat di Australia bagi mengambil peluang harga tanah yang murah di negara tersebut. Dalam hal ini, ingin dinyatakan bahawa selain dari faktor harga tanah, pelaburan ternakan lembu akan juga melibatkan pengurusan lain seperti alat jentera pertanian, pemasaran dan tenaga kerja. Bagi pelaburan di Australia, difahamkan juga, Kerajaan Australia

menghendaki sebahagian besar pekerja terdiri daripada rakyat Australia sendiri. Perkara-perkara ini haruslah ditimbang dengan teliti sekiranya ada pihak yang berminat bagi membuat pelaburan dalam ternakan lembu di Australia ini. Bagi Kementerian, perbelanjaan Kerajaan dalam ternakan lembu ini akan dijalankan dalam negara ini bagi membantu petani-petani kita sendiri. FAMA juga sensitif terhadap masalah ini.

Ingin dinyatakan bahawa Kementerian memangnya sedar bahawa pasaran yang cekap adalah penting bagi pembangunan pertanian. Oleh itu sistem pemasaran akan diperbaiki dari masa ke semasa melalui pembangunan saluran pemasaran, galakan penyertaan petani dalam pemasaran hasil mereka dan meningkatkan infrastruktur fizikal dan membangunkan kemudahan penyimpanan dan pemerosesan. Melalui galakan penyertaan petani, pihak Kementerian melalui FAMA serta kerjasama dari jabatan, agensi di bawah Kementerian telah menubuhkan pasar-pasar tani. Setakat ini terdapat 25 buah pasar tani yang beroperasi di seluruh negara. Dari penelitian Kementerian, pasar tani merupakan saluran pemasaran yang baik kepada petani-petani bagi memasarkan sendiri hasil-hasil keluaran mereka dan petani-petani sendiri mendapat pulangan yang berpatutan dari usaha-usaha pertanian yang dijalankan oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu pula berharap supaya Kerajaan memberi subsidi baja kepada petani dan pekebun kecil. Dalam hal ini ingin dinyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kementerian untuk mengurangkan subsidi kecuali bagi tanaman-tanaman tertentu sahaja. Bagi petani-petani di negeri Sarawak sememangnya telah dibantu melalui skim subsidi lada hitam di mana

berjumlah \$18.14 juta telah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan \$17 juta lagi diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Bantuan yang disalurkan di bawah skim ini termasuklah baja-baja.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, Kementerian Pertanian sedar bahawa kawasan-kawasan padi di Tanjong Karang telah diserangi oleh penyakit padi akibat daripada serangga-serangga perosak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai "penyakit komando, atau kereta kebal atau combat." Serangga perosak yang menyerang kawasan ini adalah sejenis kepinding yang bernama "NAZARA". Sungguhpun Jabatan Pertanian sentiasa mengawasi serangan-serangan ini melalui sistem pengesanan dan ramalannya, adalah penting bahawa kerjasama daripada penanam-penanam padi diperolehi untuk mengelakkan serangan perosak ini. Pegawai-pegawai Pengembangan, Jabatan Pertanian sentiasa memberi penerangan dan tunjuk ajar kepada cara-cara mencegah serangan ini.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah tertentu untuk mengatasi masalah tersebut. Antara langkah itu adalah seperti berikut:

- (1) menukar struktur pemilikan bot penangkapan ikan supaya hanya nelayan tulin atau pengusaha sendiri sahaja dibenarkan menerokai di kawasan perairan pantai di Zon (a) dan (b);
- (2) pembahagian zon penangkapan ikan mengikut saiz bot dan jenis pukut;

Zon (a) 5 batu dari pantai adalah dikhaskan untuk bot-bot tradisi sahaja;

Zon (b) 5 batu ke 12 batu dari pantai adalah untuk pukat tunda dan jerat ikan di bawah 40 gross tonnage, dengan izin;

Zon (c) 12 batu dari pantai ke atas adalah untuk pukat tunda dan jerat ikan 40 gross tonnage ke atas dan 10 batu dari pantai untuk bot 70 gross tonnage ke atas;

Zon (d) 30 batu dari pantai adalah dikhaskan untuk usaha sama dengan nelayan asing;

- (3) mengurangkan bilangan nelayan yang sedia ada melalui program-program seperti penempatan semula nelayan ke sektor lain dan membeli semula bot-bot (boat buying back);
- (4) membenarkan tukon-tukon tiruan untuk menambahkan kawasan-kawasan ikan membiak. Menggalakkan pembangunan eko-sistem;
- (5) mempesatkan pembangunan perikanan laut dalam yang merupakan sumber baru kepada pengeluaran ikan dengan cara meningkatkan khidmat sokongan seperti penyelidikan, latihan dan perlindungan dan galakan pelaburan oleh Kerajaan;
- (6) mewujudkan kawasan taman laut/rezab laut bagi membaikpulih flora/founa aquatic di kawasan pantai;
- (7) mendaftarkan nelayan sebagai langkah perancangan guna tenaga bagi mengawal kemasukan nelayan baru ke sektor perikanan.

Akhirnya saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

daripada Pasir Mas dan Kuantan yang telah memberi sokongan atas usaha-usaha semasa Kementerian dalam membangunkan pertanian. Kalau ada perkara yang telahpun disentuh oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa perbincangan Titah Diraja, saya memohon maaf, perkara ini telahpun dicatitkan oleh pihak Kementerian Pertanian untuk tindakan yang lanjut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Pelajaran.

4.15 ptg.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan dengan menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan kritikan terhadap perjalanan Kementerian ini semasa membahaskan Usul Terima Kasih di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menyentuh mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan menyarankan agar semua hasrat yang terkandung dalam dasar itu dilaksanakan sepenuhnya. Beliau juga telah meminta supaya langkah-langkah tertentu diambil bagi memperkukuhkan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Ingin saya tegaskan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berasas kepada Penyata Razak 1956 yang telah disemak dan diperkemas melalui Laporan Abdul Rahman Talib dan dikuatkuasakan dalam Akta Pelajaran 1961 perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kerana ianya sesuai dengan matlamat dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan aspirasi negara seluruhnya.

Pada tahun 1974, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelajaran telah mengkaji semula Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan tujuan untuk memperbaiki perlaksanaannya supaya matlamat untuk melahirkan masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin serta menghasilkan tenaga manusia bagi pembangunan negara ini dicapai. Walau bagaimanapun dengan timbulnya perkembangan-perkembangan baru dan keperluan-keperluan semasa, Kementerian Pelajaran telah memutuskan untuk mengkaji semula Akta Pelajaran 1961 secara yang lebih menyeluruh dengan tujuan untuk memperkukuhkan dan memperkukuhkannya supaya semangat Dasar Pelajaran Kebangsaan itu dihayati dan agar dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat yang dihasratkan disamping:

- (1) meningkatkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Malaysia dan meletakkannya ke taraf yang sewajarnya sebagai bahasa penghantar dan bahasa ilmu;
- (2) meluas dan meningkatkan pengajaran bahasa kedua khususnya bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar disamping memberikan kesempatan yang seluas mungkin bagi pelajar-pelajar untuk menguasai bahasa-bahasa ibunda khususnya bahasa Cina dan Tamil sepertimana yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961;
- (3) meningkatkan usaha-usaha.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ada apa Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, boleh?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, mengapa Kerajaan membiarkan keadaan di mana kekurangan guru-guru termasuk guru Bahasa Malaysia di negara ini kalau mengagung-agungkan Bahasa Malaysia dan setakat ini walaupun ada guru-guru dilatih tetapi mutu tidak berapa tinggi dan apakah tindakan yang sanggup diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru seperti ini kerana inilah yang penting bukan cara-cara yang lain.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kita perlu perkemaskan Dasar Pelajaran Kebangsaan ini, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berapa faham Bahasa Malaysia yang baik yang telah digunakan. Dan saya telah menjelaskan bahawa langkah-langkah meningkat dan memperkukuhkan Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah dengan maksud meningkatkan penguasaan dan penggunaan bahasa di sekolah melalui beberapa program termasuklah masalah terperinci latihan perguruan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dia tanya, Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab dahulu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya, pihak Pembangkang ini dia tidak sabar, gopoh. Latihan, pengeluaran buku dan sebagainya, langkah-langkah ini

memang diambil. Kita tidak menafikan bahawa memang ada kekurangan sekarang, kekurangan guru-guru terlatih dalam Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa lain di negara kita dan sekiranya Yang Berhormat berkenaan mengikuti, memang pengambilan guru-guru di maktab-maktab perguruan tahun ini dua kali ganda daripada tahun-tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah sudahpun diambil untuk memperbaiki kekurangan yang ada. Namun oleh kerana pengembangan pendidikan yang begitu pesat, adalah beberapa kelemahan yang saya akui dan kelemahan-kelemahan ini memang dalam pengetahuan Kementerian dan sedang kita selesaikan.

- (3) dalam hubungan dengan pengkajian semula Akta ini, adalah untuk mengurangkan dan membendung masalah polarisasi antara kaum yang kita dapati telah menerap masuk sehingga ke sekolah-sekolah dan di antara langkah-langkah yang perlu diambil termasuklah agar pelajar-pelajar kita dapat memahami sejarah negara mereka sendiri dan dapat pula diasuh supaya mengkaji melalui **matapelajaran kewarganegaraan**.
- (4) Sesuai dengan cita-cita kita membentuk insan yang salih, yang baik dan seimbang, kita haruslah meningkatkan usaha untuk mempesatkan, meningkatkan, memperbaiki mutu pendidikan Islam dan juga pendidikan moral agar ciri-ciri kemanusiaan yang mulia dapat dibentuk melalui sistem persekolahan kita dan di samping itu dapat pula melahirkan warganegara

Malaysia yang bertanggungjawab dan menaruh kecintaan terhadap negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah guru-guru sandaran yang telah berkhidmat lebih daripada lima tahun dan tidak mendapat peluang mengikuti latihan perguruan telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu. Beliau menyarankan agar guru-guru tersebut diberi latihan serta peluang memasuki maktab perguruan. Sebenarnya Kementerian telah pun mewujudkan semula kursus dalam cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran sejak tahun 1984 lagi, dan ini Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya tidak tahu. Guru-guru sandaran yang layak boleh diterima masuk untuk mengikuti kursus tersebut untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan bahasa mereka.

Dr Tang Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia bangun, Yang Berhormat. Boleh beri jalan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat itu terlalu gopoh juga untuk menasihati orangnya. Jadi, adakah beliau tahu semenjak tahun 1985 walaupun Kerajaan mengatakan bahawa guru-guru sandaran ini diambil hampir 1,000 atau lebih tetapi yang sebenarnya berlaku tidak sampai. Cuba bagi angka-angka bagi tahun 1985 dan 1986. Saya hendak tahu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah Ahli Yang Berhormat kira dari mana. Tetapi dalam tahun 1986, bilangan yang sedang mengikuti kursus tersebut ialah 1,600 orang guru sandaran yang layak dan diterima untuk mengikuti

kursus tersebut. Selain daripada itu, guru-guru sandaran yang memilih untuk memasuki maktab-maktab perguruan telahpun ditimbang dan diterima.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü juga telah membangkitkan masalah kekurangan peruntukan pembangunan bagi sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Beliau mendakwa peruntukan bagi sekolah-sekolah tersebut tidak sama banyaknya dengan peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Dalam perkara ini saya suka menjelaskan bahawa sebenarnya peruntukan pembangunan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang digolongkan sebagai Sekolah Rendah Bantuan Penuh tidak berbeza dengan peruntukan yang diberikan kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Hanya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang tergolong sebagai sekolah separuh bantuan atau bantuan modal sahaja menerima peruntukan yang tidak sama. Di samping itu, peruntukan pembangunan juga tidak dapat disamakan kerana sekolah-sekolah tersebut bukannya milik Kerajaan, tetapi kepunyaan pihak swasta seperti pemegang amanah, estet ataupun mubaligh.

Saya harus menekankan, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, pertimbangan utama kita adalah untuk memberikan tumpuan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan baru-baru ini pihak Kementerian telah mengumumkan bahawa kita harus memberikan tumpuan yang lebih kepada sekolah-sekolah yang didapati daif di luar bandar untuk mendapat satu pengimbangan yang

adil dan saksama di antara sekolah-sekolah daif di luar bandar dan juga sekolah-sekolah bandar.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang lain pula bangun.

Tuan Anwar bin Ibrahim: sekolah bandar tertentu—biar saya habiskan ayat ini dahulu—yang didapati daif terutama di kawasan setinggan di bandar.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kata tadi bahawa tidak ada perbezaan dalam layanan untuk semua sekolah rendah baik Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dengan Sekolah Rendah Kebangsaan. Kalau begitu, kenapa ada perbezaan di mana khasnya Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina perlu untuk mengutip wang daripada masyarakat Tionghua tiap-tiap tahun di semua tempat supaya untuk membina kelas-kelas, sekolah dan untuk memperbaiki sekolah. Kenapa Kerajaan tidak boleh mengeluarkan wang seperti mengeluarkan wang untuk Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan supaya menunjukkan dengan prestasi bahawa tiada diskriminasi dalam peruntukan wang kepada semua sekolah-sekolah rendah?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya harus kita jelaskan bahawa kita tidak menghalang sesiapa juga untuk mengutip wang bagi memperbaiki atau melengkapkan sekolah masing-masing. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang hanya mengetahui tentang selok-belok sekolah Cina dan Tamil, bahawa saya selaku Menteri

Pelajaran mengetahui semua sekolah-sekolah (*Tepuk*) dan saya tahu bahawa sekolah-sekolah kebangsaan di kalangan PIBG juga aktif untuk mengumpul derma dan sebagainya. Baru dua hari yang lalu saya hadir di Sekolah Rendah Kebangsaan Damansara di mana PIBG dan masyarakat tempatan mengutip wang untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan sekolah tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perbezaan dalam kutipan wang untuk sekolah-sekolah kebangsaan ialah untuk melengkapkan kemudahan, untuk dapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik, tetapi untuk sekolah-sekolah Cina ialah untuk menyelamatkan sekolah-sekolah itu, bangunan-bangunan mereka yang mahu jatuh. Itulah perbezaan. Bolehkah satu sikap yang lebih adil diberi kepada sekolah-sekolah tersebut?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ini ceramah politik, Tuan Yang di-Pertua. Mana ada sekolah yang hendak jatuh? Kalau ada sekolah hendak jatuh, Yang Berhormat dari Tanjong tidak payah tunggu sidang Parlimen, tulis surat kepada saya, saya tahulah kerja saya (*Tepuk*). Saya akan sampai ke Tanjong sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud mengatakan bahawa gaji guru-guru berasal dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah adalah lebih tinggi daripada gaji guru-guru yang berasal dari Sabah. Keadaan ini menurut beliau boleh membantutkan usaha-usaha ke arah integrasi nasional. Dalam perkara ini, saya suka menyatakan bahawa sebenarnya gaji asas bagi semua guru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah sama. Walau bagaimanapun, guru-guru dari Semenanjung yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak diberi elaun penempatan khas untuk menampung kos sara hidup yang tinggi. Guru-guru

dari Sabah dan Sarawak jika sanggup berkhidmat di Semenanjung juga akan dibayar elaun penempatan khas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sekali lagi telah membawa satu berita yang seolah-olah menggemparkan dengan style politik beliau sendiri, dengan mendakwa bahawa bahasa Cina akan digugurkan dari peperiksaan SRP, bila kurikulum baru Sekolah Menengah dilaksanakan nanti. Beliau seterusnya menyeru supaya bahasa Cina dan Tamil dijadikan matapelajaran wajib di Sekolah Rendah dan Menengah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini masih di peringkat perancangan, masih disusun dengan teliti dan setelah disusun dengan teliti, dibahaskan oleh para akademik, guru-guru dan ibu bapa, barulah dilaksanakan dengan teratur. Selepas itu barulah dibuat penilaian dan diadakan peperiksaan, tetapi sebelum itu pun nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memilih untuk menimbulkan satu masalah yang tidak ada dijadikan "hantu", kemudian diserang habis-habisan kerana tidak ada lagi point yang dia hendak capak, hendak menunjukkan kelemahan dalam sistem pelajaran kita.

Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah taktik politik yang bankrupt, dengan izin. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan! Adakah Yang Berhormat Menteri nafi dengan jujur dan ikhlas bahawa Pusat Perkembangan Kurikulum dalam kajiannya untuk kurikulum KBSM ada membuat satu cadangan bahawa bukan sahaja bahasa Cina, tetapi bahasa Tamil digugurkan sebagai matapelajaran peperiksaan. Bukankah ini benar dan kalau itu benar mana boleh perkara ini jadi satu hantu sahaja, dan kenapa Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam

soalan tadi pun tidak mahu mengakui bahawa ada satu cadangan yang dibuat oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada 10hb Mei, 1986 dan cadangan ada di sini, bolehkah Yang Berhormat Menteri nafi kenapa beliau datang ke sini untuk mislead dengan sengaja Dewan yang mulia ini dan rakyat jelata di Malaysia. Inilah sudah salahguna hak keistimewaan Yang Berhormat Menteri, mislead, bukan hantu, inilah cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tanya, jangan hujah.

Tuan Lim Kit Siang: Pusat itu dan saya harap Yang Berhormat jangan berlagak-lagak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan buat ucapan ya!

Tuan Lim Kit Siang: jujur, ikhlas.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, inilah masalahnya, kerana Yang Berhormat dari Tanjong itu tidak ada pengalaman dalam pentadbiran Kerajaan (*Tepuk*).

Dalam mana-mana Pusat Perkembangan Kurikulum sepertimana juga seminar atau perjumpaan, kertas-kertas dikemukakan untuk dibincangkan oleh orang perseorangan, oleh golongan, oleh mana-mana parti, sesiapa sahaja boleh mengemukakan pandangan mereka. Di antara ratusan kertas cadangan itu terdapatlah cadangan sepertimana yang disebutkan itu. Cadangan itu tidak pun dikaji, tidak pun dipertimbangkan, tidak pun diterima. Jadi, kalau tidak diterima buat apa bawa perkara itu dan bising-bising di Dewan Rakyat ini? (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dan yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk menunjukkan, membangkitkan semangat dan membakarkan semangat masyarakat Cina, seolah-olah Kerajaan dan Kementerian ini bertanggungjawab untuk mengambil usaha dan langkah memamatkan perkembangan dan pengwujudan bahasa Cina. Inilah apa yang disebut sedikit, dengan izin, "little knowledge" yang membawa bahaya, "half truth" dijadikan "absolute". Ini sebenarnya penipuan faktor yang merbahaya. Inilah yang mereka lakukan dan saya sengaja tekan perkara ini supaya menjadi pengajaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, jangan berani lagi bawa isu-isu yang beliau tidak tahu dalam sidang Parlimen ini (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Saya mahu sentuh mengenai apa yang saya kata di sini, apa Yang Berhormat Menteri sebut tadi ialah memutarbelitkan apa yang saya cakap, satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan saya hairan Yang Berhormat Menteri boleh jatuh begitu rendah. Apa yang saya cakap pada Dewan yang mulia ini ialah bahawa saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran membuat penjelasan, sama ada Pusat Perkembangan Kurikulum bercadang menggugurkan bahasa Cina sebagai matapelajaran peperiksaan dalam peperiksaan SRP dan KBSM mulai tahun 1986, dan ini bukan satu cadangan oleh seorang individu, tetapi satu Pusat yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan untuk buat kajian dan bukan boleh diketepikan begitu senang.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu penjelasan dan bukan main sarkas, mungkin ada pengikut-pengikut yang suka style sarkas Yang Berhormat Menteri. Tetapi soalnya

ialah ini adalah satu cadangan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum untuk menggugurkan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai matapelajaran peperiksaan. Sungguhpun untuk peperiksaan SPM kedua-dua matapelajaran ini akan dikekalkan dan bolehkah kita dapat satu jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum ini akan ditolak. Dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) kedua-dua subjek ini akan terus menjadi subjek peperiksaan. Yang kedua, bahawa cadangan Pusat itu ialah kedua-dua matapelajaran ini tidak menjadi subjek formal, tetapi tertakluk kepada budibicara Guru-guru Besar pun akan ditolak supaya ia menjadi subjek yang formal untuk semua pelajar-pelajar boleh mengadakan pelajaran bahasa ibunda dan jangan ada sarkas dalam Dewan ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong nampak kurang sabar.

Pertamanya dia tidak dapat menangkap penjelasan saya yang awal. Saya katakan kalau beliau mengetahui sedikit perjalanan Jabatan-jabatan terutama Jabatan seperti P.P.K. (Pusat Perkembangan Kurikulum) di mana merupakan satu tempat dan medan untuk dibahaskan, dibincangkan, berpuluh-puluh kertas cadangan mengenai pengubahsuaian dan juga perancangan kurikulum, beliau akan tahu bahawa banyak pandangan-pandangan dikemukakan dan kita tidak terikat untuk memberi penjelasan kepada ribuan pandangan yang dikemukakan kepada P.P.K. untuk dipertimbangkan. Yang penting, yang harus kita jelaskan di sini, ialah keputusan yang kita ambil dan saya hendak tegaskan di sini bahawa keputusan yang kita ambil setakat ini, walaupun di peringkat permulaan tidak timbul sama sekali.

Jadi, inilah yang saya katakan mengada-adakan sesuatu yang tiada, dan mengadakan-adakan sesuatu yang tiada, itulah yang saya sebutkan "hantu" pada peringkat awal tadi (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order 36-(6), tidak boleh impute improper motive. Yang Berhormat Menteri sudah sengaja memutarbelitkan apa yang tidak ada. Mana boleh kata apa yang tidak ada oleh kerana ini ada. Ini adalah cadangan Pusat Perkembangan Kurikulum. Selain daripada Yang Berhormat Menteri kata Pusat Perkembangan Kurikulum tidak ada buang wang, beberapa cadangan yang formal mengenai Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ada dikemukakan kepada Kerajaan. Inilah satu cadangan yang formal, yang serius mengakui ada, megakui bahawa cadangan ini memberi jaminan tidak diikuti dan jangan main politik, contohnya seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri MIC duduk dan bising-bising sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat kehilangan modal, biarlah saya teruskan, dia pun sudah mula tersinggung sedikit.

Saya ingin tegaskan keputusan yang dibuat oleh mana-mana Jabatan ialah keputusan yang disahkan, pandangan-pandangan yang puluhan atau ratusan itu bukan keputusan, sebab itu saya katakan saya agak dukacita kerana kita kenal Yang Berhormat dari Tanjong ini sekurang-kurangnya patut fahamlah sedikit apa dia pengurusan yang baik dan pentadbiran yang baik, ini tidak dapat membezakan langsung.

Cadangan itu tidak merupakan cadangan Pusat Perkembangan Kurikulum dan tidak pun merupakan cadangan Kementerian Pelajaran. Ini hanya cadangan yang diadakan untuk membakar semangat kaum-kaum tertentu dan untuk memberi modal politik bagi parti-parti yang bankrap isu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya jelaskan bahawa KBSM masih lagi di peringkat perancangan. Prinsip-prinsip utama yang ada dalam Akta Pelajaran iaitu memperkukuhkan Bahasa Malaysia, memberi izin kepada perkembangan dan pengajaran bahasa Cina dan Tamil tetap akan dipertahankan kerana ini adalah suatu prinsip yang telah diakui dan diterima sepertimana yang terdapat dalam Akta Pelajaran, 1961. Oleh itu, kita menekankan bahawa peruntukan yang ada dalam Akta Pelajaran, 1961 dalam soal ini agak sudah mencukupi. Jadi, soal mewajibkan pengajaran kedua-dua bahasa tersebut di sekolah-sekolah juga tidak timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah menimbulkan masalah persekolahan yang dihadapi oleh murid-murid yang tinggal di rumah-rumah pangsa dan kompleks perumahan kerana tiada sekolah yang berhampiran. Beliau telah menyeru Kementerian supaya membuat perancangan agar sekolah-sekolah dapat didirikan di kawasan kompleks perumahan dan di sekitar rumah-rumah pangsa bagi mengatasi masalah pengangkutan dan perbelanjaan murid-murid yang berkenaan. Kementerian memang menyedari masalah kekurangan sekolah-sekolah di rumah pangsa dan kompleks perumahan. Masalah yang timbul ialah di kawasan-kawasan di mana tanah tidak diperuntukkan untuk sekolah. Tetapi sekiranya ada tapak yang disediakan dan sesuai untuk didirikan sekolah, Kementerian

tentunya akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi masalah yang tersebut. Sebab itu sebagai contoh Kementerian akan membina sebuah lagi Sekolah Rendah Kebangsaan di kawasan Cheras dan insya Allah dapat mendirikan sekolah berkenaan di kawasan perumahan awam batu 3½ Jalan Cheras sebagai langkah untuk mengurangkan masalah kekurangan sekolah di kawasan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Gaya telah menimbulkan masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di Australia kerana kenaikan yuran pengajian dan seterusnya menyeru Kerajaan supaya menyediakan tempat yang mencukupi bagi semua pelajar dengan membesarkan universiti-universiti tempatan, menswastakan pelajaran tinggi dan membenarkan penubuhan universiti swasta dan universiti merdeka.

Berhubung dengan kenaikan yuran pengajian, Kerajaan telah pun menjalankan usaha sedaya upaya berbincang dan merayu dengan Kerajaan Australia supaya menangguhkan atau mengurangkan kenaikan yuran tersebut. Sepertimana kita tahu, Kerajaan Australia memang menangguhkan sedikit tetapi hakikatnya patut diterima ialah menaikkan yuran itu adalah urusan dalam negeri dan hak mutlak Kerajaan berkenaan. Kementerian malangnya tidak dapat memberikan bantuan tambahan kepada pelajar-pelajar persendirian kerana perkara ini adalah di luar perancangan dan kemampuan Kementerian. Namun begitu, Jabatan-jabatan Penuntut telah diarahkan supaya mencari jalan menghubungi pelajar-pelajar dan mereka haruslah membantu dalam usaha mendapatkan bantuan melalui yayasan-yayasan lain yang wujud sekiranya keadaan mengizinkan.

Berhubung dengan perkara menambah bilangan tempat di universiti-universiti tempatan, suka saya nyatakan bahawa Kementerian memang sentiasa menjalankan usaha-usaha membesarkan kampus induk universiti-universiti tempatan dan menambah bilangan kampus-kampus cawangan seperti di Likas, Sabah; Bintulu, Sarawak; Kuala Terengganu, Kubang Kerian dan Bachok di Kelantan; Sekudai, Johor dan Sri Iskandar, Perak. Di samping itu beberapa jabatan dan program baru telah diwujudkan tahun demi tahun. Hasil daripada usaha-usaha ini bilangan kemasukan ke universiti-universiti tempatan telah bertambah dari 5,501 dalam tahun 1980 kepada 8,213 pelajar dalam tahun 1985 iaitu pertambahan seramai 2,712 orang atau 49.3%.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan untuk meneruskan usaha-usaha seperti ini supaya lebih ramai calon-calon yang layak dan sesuai dapat diberikan tempat di universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, kita harus menyedari bahawa kemasukan ke universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan kepada kecemerlangan prestasi, persaingan yang ketat dan kuota yang diperuntukkan bagi satu-satu kaum sepertimana yang telah dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan. Di samping itu pengambilan masuk ke universiti-universiti tempatan perlu disesuaikan dengan keperluan tenaga manusia untuk pembangunan negara. Hanya calon-calon yang paling layak dan sesuai sahaja akan dapat diberikan tempat.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sanggup menerima cadangan bahawa kuota-kuota untuk institusi-institusi pengajian tinggi dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memenuhi keperluan negara?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kuota yang dimaksudkan untuk universiti-universiti tempatan ialah 55% bumiputera termasuk Sabah dan Sarawak dan 45% bukan bumiputera. Kuota ini diperkenalkan pada tahun 1980 dan dilaksanakan secara berperingkat dan sebaik sahaja sampai kepada tahap kuota yang ada sudah ada, terdapat pula sungutan-sungutan supaya kuota ini dikaji semula. Saya kira kalau pun ada desakan dikaji semula tentunya keutamaan harus diberikan kepada bumiputera kerana pencapaian bumiputera masih jauh ketinggalan dibandingkan dengan bukan bumiputera di negara ini. Tetapi setakat ini eloklah saya tegaskan bahawa kita tidak berhasrat untuk membuat perubahan dari segi Kuota tersebut. Saya ingin jelaskan bahawa "cut off point", dengan izin, untuk bumiputera Sabah dan Sarawak oleh kerana mereka ketinggalan dari segi beberapa kemudahan adalah lebih rendah daripada "cut off point" bagi kemasukan pelajar-pelajar lain bumiputera dan bukan bumiputera di Semenanjung. Ini menunjukkan bahawa kita memikirkan soal keadilan sosial dan keadilan bagi semua kaum dan tidak sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Kepong hanya memikirkan kepentingan satu kaum sahaja (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa nampaknya sekarang beliau sudah tukar fikiran daripada masa beliau dalam ABIM, pemimpin ABIM, di mana pandangannya ialah bahawa pengambilan khasnya yang patut dapat bantuan daripada Kerajaan ialah berasaskan keperluan (need) dan tentulah mengikut need, tentu pelajar-pelajar bumiputera akan dapat pun lebih peratusan. Masa itu mengikut need, sekarang nampaknya sudah champion perkara kaum, tidak lagi need, apakah sebabnya sudah tukar fikirannya?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang kita sebutkan secara consistent, dengan izin, ialah democratization of access to higher education, memberikan peluang kemudahan seluas mungkin kepada semua yang mempunyai kelayakan. Dan ini adalah satu prinsip yang dipertahankan dan tidak pun kita berhajat untuk lari daripada prinsip tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Namun, saya masih jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Belum sempat habis jawab Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Kepong sudah sibuk.

Sebenarnya prinsip ini membantu kita dalam menentukan keutamaan kemasukan. Sebab itu dari segi kemasukan tidak ada campur tangan politik walaupun kita terima ratusan atau ribuan rayuan, orang yang layak sahaja yang diberikan kesempatan untuk masuk ke universiti. Dahulu dalam keadaan tahun-tahun 60an dan sebelumnya bila pelajar-pelajar bumiputera hanya 20% dan pelajar-pelajar bukan bumiputera 80% di universiti-universiti tempatan, parti-parti yang berkenaan tidak sibuk.

Sekarang bila ada sedikit usaha yang lebih untuk mengurangkan perbezaan yang begitu ketara di kalangan pelajar-pelajar, nampaknya mereka champion kepentingan satu kaum di sebalik istilah keadilan. Sebenarnya keadilan yang mereka fikirkan, Tuan Yang Dipertua, tidak lebih dari keadilan yang lopsided, dengan izin, yang mementingkan pandangan-pandangan satu-satu kaum sahaja (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan lagi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri nampaknya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Dia sangat liberal, demokratik. Itu fikiran ABIM.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis ayat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Selepas habis ayat, tunggulah.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, saya tunggu habis ayat itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Dan ayat ini ayat yang panjang (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Boleh tunggu sampai habis.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya tidak mahu bercakap dengan mutu bahasa yang rendah, ayat tergantung sepertimana ayat Yang Berhormat dari Tanjong, Jadi, ayat ini agak panjang.

Saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, soal demokratik dan liberal itu satu perinsip Kerajaan hari ini. Namun demokrasi dan prinsip liberal itu tidaklah boleh dilaksanakan oleh orang-orang yang tidak menghormati prinsip demokrasi dan liberal dan tidak mengerti apa dia itu kebebasan.

Kalau sentiasa mengungkit-ungkit perkara yang boleh meracuni pemikiran, menimbulkan ketegangan antara kaum, membangkitkan seolah-olah ketidakadilan berlaku dalam satu kaum pada hal mereka tahu sesungguhnya bahawa semua pelajar-pelajar diberikan peluang. Apakah tidak adil bagi orang-orang Melayu di Semenanjung, memberikan keputusan dan kuota mereka 55% itu kepada adik-adik dan rakan-rakan mereka dari Sabah dan Sarawak walaupun keputusan pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak itu adalah lebih rendah. "Cut off point" bagi pelajar-pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak itu lebih rendah dan kita sanggup menerima mereka memasukkan dalam kuota Bumiputera. Saya hendak tanya kalau ada orang-orang dan tokoh-tokoh sepertimana pihak parti Pembangkang yang sanggup memberikan pertimbangan ini kerana dalam seluruh ucapan mereka tidak mereka peduli nasib orang lain sama sekali (*Tepuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Sudah habis? Minta penjelasan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, inilah prinsip.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri lagi. Yang Berhormat duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih jauh daripada masa ABIM. Lebih jauh fikiran itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Prinsip demokrasi dan liberal yang kita sebutkan itu dalam bidang pendidikan. Jadi, dalam soal democratization dalam soal demokrasi pendidikan, dalam soal democratization of access to education, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soal yang terus kita kerjakan dan saya ingin memberi jaminan bukan sahaja kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi kepada seluruh masyarakat bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah Kerajaan yang bertanggungjawab dan akan mempertahankan soal prinsip democratization of access to education termasuk, dengan izin, higher education. Dengan cara sedemikian kita boleh memberikan peluang yang seluas mungkin, kepada seramai pelajar yang mungkin tidak kira mereka itu Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan, Cuma dalam proses mencapai prinsip ini janganlah kita hanya memikirkan kepentingan satu kaum dan biar orang-orang kampung dan pendalaman melarat, hina dan tidak mempunyai kesempatan untuk masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Sudah habis prinsip?

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, gesaan untuk menswastakan pelajaran tinggi dan membenarkan penubuhan universiti swasta serta Universiti Merdeka di negara ini.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri, sila duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan semasa dahululah, ABIM pada masa itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidak lebih dari 12 kali saya beri kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengganggu saya.....

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi dia akan beri jalan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tetapi malangnya gangguan-gangguan itu adalah gangguan dengan pandangan yang cetek, fahaman perkauman yang sempit dan saya tidak mahu merendahkan darjat Dewan yang mulia ini untuk terus menerus memberi izin kepada beliau memberi pandangan yang sempit itu (*Tepuk*).

Saya harapkan mendapat teguran-teguran yang membina untuk membangunkan pendidikan di negara kita, yang kita dapat ialah cerita-cerita lama, gendang-gendang kosong, hantu raya yang hilang (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Sudah jatuh daripada ABIM!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, gesaan untuk menswastakan pelajaran tinggi dan membenarkan penubuhan universiti swasta serta Universiti Merdeka di negara ini sebenarnya adalah isu yang sudah lapuk, yang selalu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya hanya menegaskan sekali lagi bahawa perkara ini telah dikaji dengan teliti, dibincangkan dengan panjang lebar dan ditolak oleh Kerajaan,

dihadapkan ke mahkamah dan keputusan mahkamah telah pun dikeluarkan.

Saya tidak bercadang membentangkan semula rasional dan alasan tentang penolakan tersebut. Apa yang saya ingin tegaskan ialah kes ini sudah ditutup dan pendirian Kerajaan mengenainya tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Selangor telah menyentuh mengenai keluaran universiti tempatan yang dikatakan telah merosot kualitinya berbanding dengan keluaran tahun 70an. Oleh kerana itu beliau mendakwa bahawa syarikat swasta enggan mengambil mereka bekerja tetapi lebih cenderung mengambil keluaran dari universiti luar negeri.

Kualiti seseorang graduan itu tidak boleh ditentukan atau diukur secara melulu dan subjectif. Sekiranya ada syarikat swasta yang lebih cenderung memilih graduan keluaran universiti luar negeri ini bergantung kepada kesesuaian pekerjaan yang ditawarkan, dan dengan izin, perception serta keutamaan syarikat berkenaan.

Apabila bilangan graduan sudah bertambah ramai dan terlatih dalam pelbagai lapangan, sudah tentulah skop pemilihan syarikat-syarikat berkenaan bertambah luas dan bebas.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil tindakan tertentu untuk menghasilkan atau mengeluarkan graduan-graduan yang berkualiti bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga melibatkan mereka dalam kegiatan ko-kurikulum dan kemasyarakatan supaya mereka mempunyai disiplin dan akhlak yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam dan

Sabak Bernam kerana sokongan mereka dan kematangan mereka memperlihatkan bahawa tindakan tegas Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah dadah dan disiplin di kalangan pelajar-pelajar khususnya di pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya syorkan Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang belajar dan mengkaji ucapan-ucapan mereka supaya lebih memahami tentang sistem pendidikan dan cara membuat teguran dalam sidang Dewan yang mulia ini.

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Anwar bin Ibrahim: Sehubungan dengan ini juga Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai telah menyarankan supaya pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi hendaklah diuji untuk mengesan penagihan dadah. Dalam perkara ini saya suka menyatakan bahawa Kementerian sentiasa memberi perhatian berat dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan kawalan-kawalan di kawasan-kawasan pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah. Langkah-langkah dan rancangan-rancangan baru juga akan dijalankan bagi membendung masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan sekali lagi saya menyatakan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberikan teguran dan kritikan terhadap perbelanjaan Kementerian ini dan mana-mana pandangan yang telah tidak saya jawab atau sentuh secara langsung, saya pohon maaf, Namun Kementerian akan meneliti pandangan-pandangan tersebut dan jawapan-jawapan dan tindakan-tindakan yang sesuai akan dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

5.00 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran dan saranan mengenai Kementerian Wilayah Persekutuan. Segala perkara yang ditimbulkan telah dicatatkan dan di ambil perhatian.

Antara perkara-perkara yang disentuh ialah tentang kononnya kecenderungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai "big government"; sikap pihak berkuasa Ibu Kota dalam iklim ekonomi yang muram; pelan struktur Bandaraya; keadaan perumahan awam kos rendah; kewujudan parti-parti politik di Labuan; integrasi nasional; pembangunan Pulau Labuan khususnya dalam industri pelancongan dan akhir sekali status Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah membangkitkan beberapa perkara khususnya mengenai pentadbiran pihak berkuasa Bandaraya yang diinstitusikan dengan nama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan termasuklah:

- (a) Kuala Lumpur dikatakan berkecenderungan sebagai sebuah "big government";
- (b) sikap pihak berkuasa Ibu Kota dalam iklim ekonomi yang muram; dan
- (c) Pelan Struktur Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah penguasa tempatan yang terbesar di negara ini, maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menguatkuasakan undang-undang selaras dengan kehendak dan aspirasi penduduk-penduduknya. Sekiranya penguatkuasaan undang-undang tidak dilaksanakan secara keseluruhannya, maka sudah tentu masalah sosial seperti pelbagai jenayah akan semakin berleluasa tetapi sebaliknya untuk menjaga kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur, serta mewujudkan alam sekitar yang sesuai dengan keperluan hidup penduduk-penduduk di zaman sekarang dari segi mutu penghidupan, kesihatan dan sebagainya, penguatkuasaan undang-undang harus dilakukan di Bandaraya Kuala Lumpur. Adalah perlu ditegaskan bahawa penguatkuasaan undang-undang bukanlah bermakna Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sudah cenderung kepada apa yang dipanggil sebagai "big government" tetapi ianya melaksanakan tanggungjawabnya untuk mentadbir dan memajukan Bandaraya, yang boleh dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Dalam hal ini juga, saya ingin menyatakan bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bukan sahaja mementingkan undang-undang tetapi juga sentiasa bergiat untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru khususnya membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan, tanpa mengira bangsa serta memperbanyakkan penglibatan bumiputera di dalam kegiatan-kegiatan pembangunan ekonomi. Penguatkuasaan undang-undang di Bandaraya Kuala Lumpur bukanlah bertujuan untuk memperendahkan hemah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memandang berat terhadap masalah saku dan rezeki rakyat, terutamanya apabila berada dalam iklim ekonomi

yang muram seperti hari ini. Sebagai penguasa tempatan, Dewan Bandaraya sentiasa bersikap bertimbang rasa tetapi harus bertegas atas lunas-lunas keadilan, selaras dengan sikap dan pendirian Kerajaan pada keseluruhannya.

Apa yang dipentingkan oleh pentadbiran Kuala Lumpur khususnya, dan Wilayah Persekutuan pada amnya, adalah kebahagiaan hidup rakyat melalui punca-punca rezeki yang terbuka luas. Penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan keperluan hidup rakyat dari pelbagai aspek sama ada aspek ekonomi mahupun sosial. Walau bagaimanapun, setiap tindakan itu adalah mengikut prinsip-prinsip perancangan yang kita anggap sesuai dan munasabah selaras dengan apa jua tindakan yang terdapat di bandar-bandar lain di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai ada membangkitkan perkara mengenai pembinaan lebih banyak lagi rumah awam kos rendah di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 1975 hingga tahun 1985 Dewan Bandaraya telah menyiapkan pembinaan sebanyak 38,655 unit rumah awam kos rendah. Di samping itu 12,684 unit sedang dalam proses pembinaan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah dijangkakan bahawa sebanyak 3,614 unit rumah awam kos rendah akan dibina.

Selain daripada itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga melalui program penswastan akan membina lebih kurang 13,333 unit rumah awam kos rendah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di dalam membangunkan semula kawasan-kawasan setingan ini adalah menjadi hasrat Kementerian untuk

menempatkan semula setinggan-setinggan yang ada di kawasan tersebut.

Berhubung dengan kadar sewa rumah awam kos rendah pula, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kadar sewa rumah awam kos rendah adalah sangat berpatutan. Misalnya, dalam tahun 1985 perbelanjaan purata bagi seunit rumah kos rendah adalah sebanyak \$154 sedangkan sewa yang dikenakan adalah diantara \$72 hingga \$95 sebulan.

Di sini ingin saya maklumkan bahawa defisit yang ditanggung oleh Dewan Bandaraya bagi tahun 1985 adalah sebanyak \$15,653,893 dan defisit akaun terkumpul sejak tahun 1978 yang ditanggung oleh Dewan Bandaraya adalah sebanyak \$56,137,326. Walaupun keadaan sedemikian, sebagai memenuhi tanggungjawab sosialnya terhadap mereka yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya bersedia menyewakan rumah awam kos rendah dengan harga yang kurang daripada perbelanjaan sebenarnya. Untuk mengurangkan kadar sewa tersebut, saya berpendapat ianya agak sukar untuk diberikan pertimbangan.

Berhubung dengan ketiadaan sekolah rendah bagi kawasan perumahan Cheras yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya memang sedar mengenai perkara tersebut dan tindakan perlu sedang diambil. Pada masa ini, Dewan Bandaraya sedang mengkaji kemungkinan untuk mengubahsuaikan tingkat bawah rumah-rumah pangsa di Batu 3½ Cheras dengan tujuan untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai bilik darjah. Sekiranya rancangan ini berjaya, ianya mencukupi untuk keperluan sekolah rendah bagi penduduk kawasan sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kewujudan parti-parti politik di Labuan, Ahli Yang Berhormat dari Labuan menyatakan bahawa kewujudan parti-parti di sana tidak seimbang dengan jumlah penduduknya. Apa yang kurang disadari oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah bahawa negara ini adalah sebuah negara demokrasi. Di negara kita memang wujud berbagai-bagai parti politik. Ini adalah satu petanda baik bagi perkembangan demokrasi di negara kita di mana rakyat bebas memilih parti politik yang sesuai dengan jiwa mereka. Labuan juga harus dilihat dalam perspektif yang sama. Sekiranya Kerajaan menghadkan jumlah parti politik di Pulau Labuan, kita khuatir tidak ada calon-calon dapat bertanding dalam pilihanraya akan datang. Oleh itu apa salahnya parti-parti yang sedia ada mengembangkan sayap mereka ke Labuan? Terpujulah kepada rakyat untuk membuat pilihan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah ketiadaan integrasi, bukanlah satu masalah yang asing bagi negara kita. Kerajaan memang sedar bahawa integrasi perlu diatasi. Berbagai langkah telah pun diadakan, misalnya Jawatankuasa Integrasi Nasional peringkat Kebangsaan telah dibentuk khas untuk mengkaji dan menggalakkan integrasi nasional. Adalah diharapkan bahawa dengan langkah positif seperti ini, rakyat Malaysia, termasuk yang tinggal di Labuan, akan merasa lebih bersatu.

Bagi Labuan khususnya, beberapa langkah telah pun diadakan ke arah mencapai matlamat tersebut. Ini termasuklah lawatan oleh ketua-ketua masyarakat dari Labuan ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada awal tahun ini. Di samping itu, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) juga mengadakan penerbangan terus dua kali seminggu ke Labuan. Kementerian juga sedang berunding

dengan Jabatan Perdana Menteri mengenai cadangan supaya "Feri Malaysia" singgah di Labuan.

Apa yang dirancang dan sedang dilakukan sekarang jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak mengabaikan Labuan dalam apa-apa jua bidang pembangunan. Kita harap Ahli Yang Berhormat dari Labuan serta Yang Berhormat dari Tanjong sedia menerima hakikat bahawa integrasi nasional bukanlah sesuatu yang dapat dicapai dalam masa yang singkat.

Tindakan positif yang diambil oleh Kerajaan setakat ini diharap dapat mempercepatkan proses tersebut. Sekiranya proses-proses pembangunan di Labuan itu tidak seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat kepada para pengundi Labuan dahulu, maka ini bukanlah salah Kerajaan, kerana Kerajaan tidak pandai berjanji kosong.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan memanglah untuk melihat Labuan sama-sama membangun seperti Kuala Lumpur. Sebab itulah Labuan telah diperuntukkan dengan jumlah kewangan yang agak besar. Pada tahun 1985 sahaja, hampir \$77 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di Labuan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$333 juta telah dipohon bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan ini termasuklah peruntukan bagi melaksanakan projek-projek yang dapat memberi sumbangan kepada perkembangan industri pelancongan dan perdagangan di Labuan. Mengenai industri pelancongan dan pembangunan pelancongan bagi Labuan tidak dapat dipisahkan daripada rancangan menyeluruh Kerajaan bagi sektor pelancongan negara. Sebenarnya, Labuan mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai suatu destinasi pelancongan. Beberapa langkah telah diambil untuk ditingkatkan

kemudahan-kemudahan yang perlu ke arah matlamat ini. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) meningkatkan lagi keupayaan Lapangan Terbang Labuan dengan memanjangkan Lapangan itu;
- (ii) mengadakan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Labuan dua kali seminggu;
- (iii) meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai bagi tujuan membangunkan potensinya sebagai pusat membeli belah;
- (iv) memelihara dan menjaga keindahan alam semula jadi di Pulau Labuan;
- (v) mempopularkan Labuan sebagai pusat kegiatan sukan laut di rantau ini melalui acara seperti regatta antarabangsa;
- (vi) meningkatkan kedudukannya sebagai pintu masuk kepada pelawat-pelawat ke Sabah, Sarawak dan juga Brunei; dan
- (vii) mempelawa syarikat-syarikat perhotelan untuk melabur di pulau itu.

Adalah diharapkan bahawa dengan langkah-langkah ini pembangunan di Labuan, khasnya industri pelancongan, akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak sepatutnya dipertingkatkan lagi. Penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat melalui tatacara demokrasi yang betul, baik dari segi perundangan ataupun perundingan dengan penduduk-penduduk tempatan Labuan.

Dari segi perundangan, penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibahaskan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Rang Undang-Undang

Akta Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan 1984 telah di luluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah setelah dibahaskan. Selain daripada itu, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2/1984) telah juga dikemukakan ke Dewan yang mulia ini dan diluluskan. Oleh hal yang demikian, adalah tidak betul untuk mengatakan bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan adalah tidak demokratik.

Selain daripada memenuhi peruntukan perundangan, pandangan penduduk-penduduk tempatan juga tidak diabaikan. Dalam hal ini, sukacitalah diberitahu bahawa rundingan dengan penduduk-penduduk tempatan telah dibuat terlebih dahulu. Rundingan ini dijalankan sama ada melalui persatuan-persatuan masyarakat dan perniagaan ataupun dengan cara dialog dengan Ketua-ketua Penduduk. Daripada keterangan ini, jelaslah bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat dengan cara yang betul baik

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat tahu, oleh kerana tidak ada satu referendum di Labuan untuk menentukan pendapat penduduk-penduduk Labuan, sama ada mereka bersetuju Labuan dijadikan Federal Territory dalam Malaysia.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya dapat tahu oleh kerana tidak ada satu referendum di Labuan untuk mendapat tahu pendapat-pendapat

penduduk-penduduk Labuan, sama ada mereka bersetuju bahawa Labuan dijadikan satu Federal Territory dalam Malaysia?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan kedudukan sebenarnya kepada Dewan yang mulia ini sebentar tadi, maka saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat tidak mengikuti apa yang saya nyatakan. Dalam urusan ini kita telahpun, sepertimana saya katakan, mengadakan rundingan-rundingan dengan persatuan-persatuan masyarakat, ahli-ahli perniagaan ataupun dengan cara dialog dengan Ketua-ketua Penduduk

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dulu, bolehkah bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Saya bermaksud bukan sahaja rundingan. Saya faham apa yang diucapkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi apa yang saya hendak tahu ialah mengenai pendapat rakyat Labuan, oleh kerana tidak ada satu referendum—bukan sahaja rundingan dengan Ketua-ketua organisasi dan lain-lain. Saya ingin tahu mengenai pandangan semua rakyat di Labuan, yang beliau tidak dapat tahu. Itu soalan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan sebentar tadi bahawa dari segi kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan sudah selesai, jadi dari segi Kerajaan maka tidaklah perlu ada apa-apa referendum berkaitan dengan perkara ini, sebab ianya telah berlaku dalam tahun 1984. Oleh hal yang demikian

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bukakkah benar bahawa apabila Yang Berhormat Menteri melawat Labuan, ada satu tunjuk perasaan oleh rakyat Labuan dan bukannya ini satu tanda bahawa rakyat Labuan tidak puas hati mengenai Labuan, cara Labuan, status Labuan, dalam Wilayah Persekutuan sehingga mereka dapat satu peluang untuk menyuarakan kedudukan dan masa depan mereka. Kenapa Kerajaan Persekutuan takut mengadakan satu referendum? Adakah Kerajaan Persekutuan takut bahawa, kalau ada satu referendum, rakyat Labuan akan menolak terus pengekal Labuan sebagai sebahagian Wilayah Persekutuan dan mahu membalikkannya kepada Sabah—dan kalau mahu membalikkannya kepada Sabah, biarlah begitu, sebab itupun dalam Malaysia.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ada tunjuk perasaan semasa saya melawat Labuan. Jika ada pun, ada dua tiga orang yang merentangkan sepanduk berkaitan dengan perkara ini. Jadi kalau dua tiga orang itu yang kita patut ambil sebagai suara rakyat ataupun majoriti rakyat Labuan, saya fikir ini tidak kena pada tempatnya kerana majoriti yang telah diperolehi oleh Kerajaan adalah mengikut suara yang besar. Oleh itu, kita tidak dapat mengambil kira pandangan ataupun apa yang telah diperbuat oleh cuma dua, tiga orang sahaja.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Saya hendak mengakhiri ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud) (Kepada Tuan Hu Sepang): Dia tidak bagilah nampaknya, dia sudah hendak habis.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Ramai lagi Menteri dan Timbalan Menteri hendak menjawab selepas ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran dan pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Segala teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab pada kali ini sudah tentu akan diberi perhatian oleh Kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa orang Ahli Parlimen yang telah pun memberi pandangan mereka mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian Luar Negeri.

Mula-mulanya saya ingin menyentuh tentang pandangan daripada Ahli Parlimen Papar dan juga Ahli Parlimen Larut iaitu mengenai usaha-usaha kita untuk memberi penerangan yang seluas-luasnya di luar negeri mengenai imej Malaysia. Saya menegaskan terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika ditinjau pada keseluruhannya segala tulisan-tulisan yang disiarkan di luar negeri adalah lebih positif daripada negatif — ini bermakna sedikit sebanyak gambaran yang diberi adalah sebagai satu negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang

tulin, sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan juga sebuah negara berbilang kaum di mana rakyatnya hidup dengan aman dan damai dan sebagainya. Tetapi kadangkala terdapat juga tulisan-tulisan yang negatif yang perlu diperbetulkan oleh pegawai-pegawai kita dan ini sering kita perbetulkan. Tetapi dalam hubungan ini saya ingin menegaskan juga bahawa dalam negara kita sendiri pun, sunggupun kita mempunyai begitu banyak jentera pengawalan dan sebagainya, bukan semuanya kenal mengenai segala-gala yang berlaku di Malaysia ini. Jadi tidak hairanlah jika ada rakyat di luar negeri yang tidak begitu mengetahui mengenai keadaan dalam negara kita ini ataupun mengenai masalah-masalah dalam negara kita ini. Pegawai-pegawai kita di Kedutaan Cuba juga untuk "cultivate" beberapa "key personalities" yang boleh sedikit sebanyak membantu kita berkenaan dengan penerangan mengenai negara kita kepada rakyat di negara-negara itu. Misalnya, menerusi ahli-ahli politik, perniagaan, ahli-ahli yang mewakili media massa dan sebagainya, kita dapat sedikit sebanyak menyampaikan hasrat dan inspirasi negara kita kepada rakyat di negara-negara itu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kadang-kadang ada pula tekanan yang berbagai-bagai mengenai dasar kita tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini kadangkala kita mendapatkan pegawai-pegawai kita di kedutaan untuk menulis kepada akhbar-akhbar itu untuk memperbetulkan keadaan.

Ahi Yang Berhormat dari Marudu pula telahpun menanya mengenai kedudukan tuntutan Filipina terhadap Sabah. Saya ingin menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin kita telahpun dapat menghubungi Presiden baru

Filipina dan juga Timbalan Presidennya dan juga Menteri Luarnya dan sedikit-sebanyak telahpun dibayangkan bahawa sesuatu tindakan akan diambil untuk menggugurkan tuntutan itu. Saya rasa eloklah kita memberi masa sedikit kepada Filipina. Insya Allah, saya penuh yakin bahawa masalah ini dapat diselesaikan dalam masa yang sesingkatnya, selepas itu hubungan kita dengan Filipina dapatlah dipulih seperti sediakala dan dipertingkatkan sesuai dengan dua negara yang begitu berjiran.

Ahli Parlimen dari Kuala Kedah telahpun memberi pandangan mengenai berbagai-bagai isu antarabangsa, seperti Palestine, Afghanistan, Kampuchea dan juga soal "Apartheid". Saya ucapkan terima kasih kepada pandangan beliau. Sebagaimana kita tahu bahawa pandangan-pandangan kita mengenai isu-isu ini adalah begitu jelas sekali. Apabila kita memperjuangkan isu-isu seperti Afghanistan, Kampuchea dan sebagainya ataupun soal "Apartheid", kita dengan secara tak langsung juga memperkukuhkan pandangan orang dan juga penerimaan orang mengenai prinsip-prinsip antarabangsa ataupun norma-norma antarabangsa yang mengaturkan hubungan antara sebuah negara dengan satu negara yang lain. Jika misalnya kita dapat negara-negara itu oleh sebab tekanan opinion antarabangsa, kata orang, mematuhi segala undang-undang antarabangsa seperti menghormati kedaulatan sesebuah negara, tidak mencero bohi sesuatu negara dan sebagainya, maka sudah tentulah dengan cara tak langsung keselamatan negara kita juga akan terjamin. Itulah sebabnya maka kita begitu tegas sekali dalam soal-soal ini, iaitu di samping kita membela hak rakyat yang berkenaan, kita juga sedang memperkuatkan penerimaan oleh masyarakat antarabangsa terhadap prinsip-prinsip dan norma-norma hubungan antara sebuah negara dengan negara yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah banyak menyentuh mengenai hubungan di antara negara-negara Islam, khususnya OIC. Saya ingin menyatakan di sini bahawa sumbangan kita terhadap perpaduan ummah bukanlah sedikit, bukanlah kecil, malah boleh dikatakan asal-usul mengenai penubuhan Organisation of Islamic Conference ataupun Persidangan Negara-negara Islam adalah lahir dari pandangan yang diutarakan oleh Perdana Menteri kita yang pertama, iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra pada masa itu yang telahpun menyatakan bahawa sudah sampai masanya kita tubuhkan satu Commonwealth of Islamic Countries. Dari cadangan itulah maka telahpun diterima bahawa kita harus adakan satu persatuan yang merangkumi semua negara-negara Islam. Maka lahirlah Sekretariat Islam Antarabangsa dan Setiausaha Agungnya pula adalah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sendiri dan kitalah mula melahirkan sekretariat itu dan mendirikan sekretariat itu, sehingga sekarang ia telahpun menjadi begitu besar dan sejak itu pegawai-pegawai kita telahpun memainkan peranan penting dalam sekretariat tersebut, malah pada masa ini pun Timbalan Setiausaha Sekretariat ini adalah seorang rakyat Malaysia.

Disamping soal-soal politik, banyak juga perkara-perkara lain yang dimainkan oleh Organisation of Islamic Conference ini dalam soal-soal pembangunan di dunia Islam. Misalnya di bawah Organisation of Islamic Conference ini, Tuan Yang di-Pertua, terdiri satu badan yang bernama Tabung Perpaduan Islam yang mana bertanggungjawab untuk mengutip wang dari negara-negara Islam yang berkemampuan dan tabung ini pula diguna untuk membantu orang-orang Islam khususnya dalam negara-negara di mana orang-orang

Islam menjadi minoriti. Begitu juga ada satu badan yang lain, iaitu Bank Pembangunan Islam di mana kewangannya juga digunakan untuk meminjam kepada negara-negara Islam ataupun cara "direct aid" untuk membangunkan negara-negara Islam. Jadi itulah di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Organisation of Islamic Conference.

Mengenai soal Iran/Iraq, kita memang menjadi salah satu ahli dalam Jawatankuasa Pendamai. Berbagai-bagai usaha telahpun dijalankan oleh Jawatankuasa Pendamai ini untuk meleraikan peperangan tersebut, tetapi sehingga sekarang usaha-usaha itu telah pun gagal. Saya rasa dalam Persidangan Summit Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Islam yang akan diadakan pada bulan Januari di Kuwait nanti, saya rasa Jawatankuasa Pendamai ini akan serahkan balik mandatnya kepada Persidangan Summit itu untuk memutuskan apakah arahan-arahan baru ataupun "terms of reference" baru yang patut diberi kepada Jawatankuasa ini ataupun dimansuhkan begitu sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa telah pun menyentuh mengenai soal ASEAN. Sebagaimana yang kita tahu memanglah salah satu tujuan utama ASEAN adalah untuk mewujudkan ZOPFAN, iaitu menjadikan rantau ASEAN ini sebagai satu Zon Aman, Bebas dan Berkecuali. Maka bilakah zon ini akan merupakan sebenar-benar sebuah ZOPFAN, iaitu satu zon yang aman, bebas dan berkecuali, adalah terpulang kepada pendapat seseorang, iaitu satu perkara yang subjektif, tetapi kita cuma akan berusaha, keadaan (environment) dan segala aspek kerjasama di antara negara-negara Islam supaya kita akan sampai kepada objektif itu. Kita tahu bahawa apabila ASEAN dilahirkan, ianya adalah satu badan untuk kerjasama

sosio-ekonomi di antara negara-negara anggotanya, tetapi namun demikian, sedikit-sebanyak kita telah juga, kata orang, bertukar-tukar pandangan dan kerjasama mengenai soal-soal ketenteraan. Tetapi, sungguhpun tidak ada satu pakatan "multilateral" kerana ini akan berpisah jauh dari tujuan utama ASEAN, namun demikian ada juga berbagai-bagai hubungan "bilateral" dalam soal ketenteraan ini. Kita sering terdapat negara-negara ASEAN mengadakan exercise ketenteraan untuk memperkuatkan ketahanan masing-masing. Walau bagaimanapun, ini adalah hanya setakat "bilateral" sahaja, tetapi untuk ASEAN dijadikan satu pack ketenteraan ini, sudah tentu akan berpisah jauh dari tujuan asalnya dan walaupun ini dijadikan, maka ini akan timbul pula reaksi dari punca-punca yang lain dan kita rasa ini tidaklah akan menguntungkan masa depan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak jawapan saya kepada pandangan-pandangan yang telah diberikan dan ada pandangan-pandangan yang lain telah pun kami mengambil perhatian dan kami akan cuba melaksanakan seberapa yang daya kepada pandangan-pandangan yang baik itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Kesihatan.

5.29 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan teguran semasa perbahasan atas usul Ucapan Menjunjung Kasih. Sukalah saya mengulas dan menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan tentang kekurangan pegawai-pegawai perubatan, wad-wad yang penuh sesak dan kemudahan-kemudahan yang lain di Hospital Daerah Sibul. Sukalah saya memaklumkan, pada masa sekarang terdapat 6 orang pakar dan 14 pegawai perubatan yang berkhidmat di Hospital Daerah Sibul di Sarawak. Bilangan ini adalah mencukupi untuk memberikan perkhidmatan rawatan perubatan di hospital tersebut. Kementerian Kesihatan juga sedar mengenai kadar "occupancy", dengan izin, yang tinggi di hospital tersebut akibat daripada kekurangan bilangan katil di beberapa wad seperti di Wad Paediatrics, Wad Pembedahan bagi laki-laki dan wanita dan sebagainya.

Bagi mengurangkan kesesakan di bahagian pesakit luar Hospital Daerah Sibul, sebuah bangunan telah pun disewa di bandar tersebut dan perkhidmatan rawatan pesakit luar telah dimulakan di bangunan tersebut sejak 15hb Ogos baru-baru ini.

Sebuah klinik juga telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Hospital Daerah Sibul juga mempunyai peralatan dan lain-lain kemudahan asas yang mencukupi bagi memberi rawatan yang berkesan kepada pesakit-pesakit. Beliau juga telah menggesa supaya Kementerian Kesihatan mempercepatkan pembinaan Hospital Sibul yang baru. Saya ingin memaklumkan, dalam keadaan ekonomi sekarang, Kementerian Kesihatan terpaksa menjadualkan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan mengikut keutamaan projek tersebut dan keupayaan pelaksanaan dari segi pembiayaan dan penyediaan pelan-pelan bangunan bagi projek itu. Selaras dengan keperluan yang mendesak bagi perkhidmatan hospital baru di Sibul, Kementerian Kesihatan telah sedaya

upaya memberi tumpuan yang seimbang untuk melaksanakan hospital itu dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima. Buat masa ini pelaksanaan projek ini adalah di peringkat penyediaan pelan-pelan bangunan dan dengan demikian ianya hanya akan dapat dijadual mula dibina pada tahun 1988.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Belud telah meminta supaya dibina pusat-pusat kesihatan di mana ianya amat diperlukan oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Kementerian Kesihatan belum lagi merancang membina pusat-pusat kesihatan di daerah Kota Belud. Walau bagaimanapun sebuah Pejabat Kesihatan Daerah dan empat buah klinik desa telah dirancang untuk dibina bagi daerah Kota Belud dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Kelima. Keputusan ini dicapai berdasarkan kepada hakikat bahawa Kementerian telah membina sebuah hospital baru dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Keempat di Kota Belud yang mempunyai 128 katil. Dengan adanya hospital baru ini berserta dengan dua buah pusat kesihatan dan 12 klinik desa yang sedia ada dan terbina projek-projek yang dirancang bagi Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa kawasan Kota Belud akan mempunyai liputan perkhidmatan dan akan dapat menampung keperluan penduduk di daerah tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menegur bahawa akibat konsep penswastan Hospital Lady Templer tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan tidak dapat membayar gaji pekerjanya sejak bulan Mei 1986. Beliau telah mencadangkan hospital tersebut diletakkan di bawah pemegang amanah di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Gabenor Hospital Lady Templer sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sebuah syarikat swasta bagi mengambil alih pentadbiran hospital ini. Memandangkan perundingan di antara kedua-dua pihak itu sedang berjalan di peringkat terakhir sekarang, Kementerian berpendapat tidaklah tepat untuk membuat apa-apa pengumuman mengenai perkara ini pada masa ini. Kementerian walau bagaimanapun sedang mengawasi perkembangan dalam perkara ini.

Bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Marudu, Kementerian kesihatan sedar bahawa pusat kesihatan yang ada sekarang di daerah Kota Marudu tidak mencukupi untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk-penduduk di kawasan itu. Dengan itu keputusan telah diambil dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk membina sebuah Hospital Daerah di Kota Marudu. Walau bagaimanapun oleh kerana keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan, pembinaan hospital itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Minta betulkan, Tuan Yang di-Pertua. Bukan Kota Marudu tetapi kawasan Marudu.

Dato' K. Pathmanaban: Kita hendak mencadangkan hospital di Kota Marudu, bukan kawasan Marudu. Kota Marudu dalam kawasan Marudu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Kota Marudu di kawasan Bandau (Ketawa).

Dato' K. Pathmanaban: Walau bagaimanapun, kita cadangkan hospital di Kota Marudu untuk kawasan Bandau juga. Hospital ini bukan mengikut kawasan pilihanraya tetapi mengikut daerah pentadbiran. Walau bagaimanapun oleh kerana keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan, pembinaan hospital itu terpaksa ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Kelima dan pada masa ini kita telah merancang semula untuk membina hospital tersebut dengan jumlah permulaan 76 katil. Pembinaan akan diteruskan sebaik sahaja peruntukan diperolehi. Projek-projek lain yang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah beberapa pejabat kesihatan, klinik dan sebagainya.

Akhir sekali saya suka menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari kawasan Larut. Sukalah saya memberitahu bahawa harapan Kementerian adalah untuk membina sebuah hospital bagi setiap daerah pentadbiran. Pembinaan sesuatu hospital itu juga dirancang berdasarkan kepada bilangan penduduk bagi sesuatu kawasan dan juga keluasan kawasan tersebut selain daripada faktor-faktor seperti kemudahan kesihatan yang sedia ada dan sebagainya.

Sekian sahaja saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbincangan itu dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil minat dalam perkhidmatan kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua,

tidak ada perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.37 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian mereka kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertama saya ingin menyentuh mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong berhubung dengan penglibatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk membantu syarikat-syarikat akhbar yang menghadapi kesulitan kewangan. Ingin saya menekankan di sini bahawa dalam tempoh hingga sekarang, Kementerian saya tidak campur tangan di dalam urusan kewangan mana-mana institusi perniagaan atau akhbar-akhbar yang terlibat dengan masalah kewangan. Meskipun Ahli Yang Berhormat berpendapat bahawa akhbar-akhbar adalah merupakan sebahagian dari institusi budaya, Kementerian saya cuma boleh membantu dari skop liputan isi tetapi tidaklah dalam hal-hal kewangan atau urusannya.

Saya juga ingin menjelaskan kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Sibu berhubung dengan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kerajaan telah melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sejak lima belas tahun yang lalu dan dalam tempoh tersebut Kerajaan tidak pernah menekan, menyekat atau

menghalang mana-mana budaya sukuan atau kaum. Dasar itu juga amat liberal dan memberi ruang sumbangan daripada budaya berbagai suku dan kaum di negara kita. Apabila disebut sebagai kebudayaan rakyat asal rantau ini sebagai prinsip pertama Dasar Kebudayaan Kebangsaan, maka rujukannya adalah kepada budaya bumiputera di negara kita termasuklah budaya Iban, Kadazan, Murut, Melanau dan berbagai-bagai suku bangsa yang terangkum di bawah satu rumpun kebudayaan yang sama. Pada asasnya mereka yang menuturkan bahasa kepulauan melayu berasaskan rumpun Bahasa Melayu Austronesia dan diucapkan oleh berbagai-bagai suku bangsa di Malaysia dan di negara-negara serantau melalui dialek atau loghat yang pula berbagai.

Rantau ini juga menghubungkan kita kepada pengalaman sejarah yang sama kedudukan geografi yang sama warisan kesenian dan bahan-bahan alam yang sama. Tidak pula timbul hasrat Kerajaan untuk mematkan kepelbagaian itu.

Cita-cita kebudayaan kebangsaan adalah lebih jauh mengatasi budaya suku-suku kaum yang dimaksudkan itu dan prosesnya sekarang sedang berlaku dengan pesatnya. Manakala kedudukan budaya kaum iaitu prinsip kedua di bawah penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan seperti Cina dan India adalah juga mempunyai dorongan ke arah memberi sumbangan dalam memupuk kebudayaan kebangsaan dan ternyata bidang-bidang seperti pakaian dan perhiasan, unsur-unsur bahasa, unsur-unsur kesenian yang sesuai, nilai dan norma masyarakat itu sedang menyerap atau diterima di dalam kebudayaan induk.

Ahli Yang Berhormat juga haruslah mula dari sekarang membuka sedikit fahaman bahawa apabila kita

bercakap tentang bangsa Malaysia, kita tidaklah lagi merujuk kepada bangsa Melayu, Cina, India, Iban atau Kadazan tetapi sebagai satu bangsa

Tuan Liew Ah Kim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang mana ada tiga asas utama. Asas yang kedua ialah unsur-unsur yang lain jika sesuai boleh diterima sebagai unsur kebudayaan negara. Sejauh manakah Kerajaan ataupun Kementerian yang berkenaan berhasrat asas kedua itu dapat dilaksanakan. Misal kata sastera Cina dan Tamil dapat diterima sebagai unsur Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, prinsip yang kedua di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan memberi pengertian bahawa unsur-unsur dari budaya sukuan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu seperti budaya sukuan Cina dan India di mana didapati sesuai boleh diterima sebagai input, dengan izin, kepada pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Perlu saya jelaskan disini bahawa kepada takrif kebudayaan bukanlah terbatas kepada soal kesenian sahaja seperti yang lazimnya difahami oleh kita semua iaitu bukan terbatas kepada soal tari-menari umpamanya, tetapi adalah mencakupi segenap bidang penghidupan manusia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dari segi pembentukan dan pemupukan kebudayaan kebangsaan, usaha kita adalah membawa ke arah mencari titik persamaan iaitu titik persamaan yang

sama ditekankan dan diberi nilai oleh setiap kaum di dalam negara kita ini.

Titik-titik persamaan itu sudahpun wujud di dalam konteks perkembangan negara kita hari ini. Umpamanya, nilai seperti taat setia kepada ibubapa, nilai seperti nilai amanah, amalan seperti pakaian, amalan seperti mengadakan rumah terbuka, bukan terbatas kepada satu kaum sahaja tetapi sudah menjadi amalan setiap kaum di dalam negara kita ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berasa bangga dengan perkembangan ini. Kalau kita tidak menekankan soal yang negatif, kalau kita tidak menekankan soal yang boleh menimbulkan perasaan yang sensitif ataupun kita sengaja mempolitisaikan sesuatu aspek, sesuatu segi dari segi Dasar Kebudayaan Kebangsaan ataupun ciri-ciri yang memberi sumbangan kepada dasar ini maka harapan kita untuk menjadikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini satu kenyataan yang lebih meluas lagi, insya Allah, akan tercapai.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah kebudayaan di negara kita bukan oleh kerana sesiapa yang selalu emphasise atau menitikberatkan unsur-unsur negatif tetapi oleh kerana langkah-langkah dan tindakan-tindakan pihak-pihak yang berkuasa, pegawai-pegawai atau sesiapa pun yang ada kuasa di mana mereka tidak menghormati hak-hak dan sensitiviti-sensitiviti kebudayaan semua kaum. Dan kalaulah perkara ini boleh diatasi di mana satu arahan dikeluarkan kepada semua pegawai-pegawai janganlah mengambil apa-apa tindakan yang merosakkan sensitiviti-sensitiviti yang mengakibatkan masalah kebudayaan menjadi satu masalah yang memecah-belahkan rakyat jelata.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan ringkas Yang Berhormat dari Tanjong jelaslah apa yang saya maksudkan tadi sebagai contoh bagaimana sesuatu perkara yang tidak sensitif dan tidak timbul sebagai satu masalah sebenarnya telah diketengahkan sebagai satu perkara yang amat sensitif.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya suka meneruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada beri jalan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak beri jalan, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri.

Tuan Liew Ah Kim: Termasuk saya.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Termasuk juga.

Tuan Liew Ah Kim: Saya hendak tanya sahaja

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak. Saya hendak meneruskan ucapan saya.

Ahli Yang Berhormat juga harus mulai dari sekarang membuka sedikit fahaman bahawa apabila kita bercakap tentang bangsa Malaysia, kita tidaklah lagi merujuk kepada bangsa Malaysia Cina, India, Iban atau Kadazan tetapi sebagai satu bangsa kepada sebuah negara meskipun kita berlainan suku kaum atau keturunan. Bangsa yang dimaksudkan di dalam Kebudayaan Kebangsaan adalah bangsa baru Malaysia yang mempunyai mertabat, maruah dan mendokong nilai-nilai peradaban timur serta mempunyai

keperibadian, perpaduan dan nilai-nilai kemanusiaan yang kuat dan disegani.

Ingin saya tegaskan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berlandaskan kepada Perlembagaan negara yang mempunyai beberapa ciri-ciri pokok pemikiran bangsa dan negara Malaysia sebagaimana yang telah dipersetujui bersama apabila negara mencapai kemerdekaan seperti aspek kedudukan Bahasa Kebangsaan, institusi Beraja dan Yang di-Pertuan Agong, hak istimewa bumiputera, Islam sebagai agama Persekutuan, hak asasi rakyat dan kewarganegaraan.

Bentuk dan masalah kebudayaan adalah masalah indentiti dan Malaysia mestilah wujud dengan identitinya tersendiri, berbeza dengan identiti negara-negara lain di dunia ini. Itulah yang kita maksudkan dengan satu cara hidup bangsa Malaysia yang berlandaskan kepada kebudayaan kebangsaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mendakwa bahawa terdapat pertalian di antara prestasi ahli-ahli sukan kita di Sukan Asia di Seoul yang lalu dengan krisis keyakinan rakyat di negara ini. Setahu saya tidak ada apa-apa krisis keyakinan yang wujud di negara ini. Mungkin ini adalah satu khayalan Ahli Yang Berhormat sahaja.

Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pendang yang menyatakan bahawa prestasi ahli-ahli sukan kita di Seoul tidak ada kaitan langsung dengan sebarang krisis keyakinan rakyat di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pendang bagaimanapun ada mengaitkan bahawa prestasi ahli-ahli sukan kita di Seoul ialah kerana Kementerian saya tidak mempunyai program yang teratur. Ingin saya jelaskan bahawa pencapaian para athlete kita di pertandingan antarabangsa seperti

Sukan Asia di Seoul baru-baru ini bukanlah disebabkan tidak ada program yang teratur. Seperti yang saya jelaskan melalui beberapa forum bahawa pencapaian athlete kebangsaan secara umumnya menunjukkan kemajuan dari masa-masa yang lalu. Pencapaian dalam bentuk pungutan medal di Sukan Asia telah bertambah sekiranya dibandingkan dengan keupayaan yang telah dicapai di Sukan Asia pada tahun 1982 di New Delhi. Di Seoul baru-baru ini athletes kebangsaan telah berjaya memenangi 10 buah pingat kalau dibandingkan dengan 4 buah pingat pada tahun 1982.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tidak, saya hendak teruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila teruskan.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Di Seoul baru-baru ini athlete-athlete lima jenis sukan telah berjaya memungut pingat. Sukan-sukan tersebut ialah renang, bowling, menembak, tae-kwan-do dan olahraga. Sementara itu di New Delhi, pingat-pingat dipungut hanyalah melalui sukan olahraga dan hoki sahaja. Kita juga telah berjaya mempertingkatkan kedudukan keseluruhannya dari tangga 15 ke 14 dan sekiranya kontingen kita berjaya memenangi satu pingat emas sahaja, kedudukan keseluruhannya kontingen kita di Sukan ASIA, sudah tentu akan berada di tangga yang lebih tinggi lagi iaitu kira-kira pada nombor 8.

Sejak daripada Majlis Sukan Negara dipergiatkan semula pada awal tahun 1982, program-program tertentu yang bertujuan untuk mempertingkatkan

prestasi athlete-athlete kebangsaan telah dilancarkan. Bantuan-bantuan dan latihan di dalam dan luar negeri untuk menyediakan athlete-athlete ini telah diluluskan. Athlete-athlete juga diberi pendedahan dalam pertandingan peringkat antarabangsa. Skim perangsang yang bertujuan untuk membantu athlete-athlete mengekal dan memajukan diri masing-masing telahpun diperkenalkan mulai dari tahun 1983. Sejak skim ini dilancarkan, Majlis Sukan Negara telah mengeluarkan bantuan berjumlah \$485,350.00 untuk seramai 369 orang athlete. Bantuan untuk mempertingkatkan mutu kejurulatihan sukan juga telah diberikan kepada persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Bantuan ini adalah dalam bentuk kepakaran yang dibawa dari luar negeri untuk menganjurkan kursus-kursus tertentu. Jurulatih yang difikirkan layak telah dihantar mengikuti kursus di luar negeri untuk mempertingkatkan pengetahuan supaya mereka dapat melatih athlete-athlete negara ini dengan lebih berkesan.

Pihak Kementerian juga menyedari bahawa kelemahan pentadbiran pada persatuan sukan adalah merupakan salah satu daripada punca kelemahan perkembangan sukan pertandingan di negara ini. Berdasarkan kepada hakikat inilah bantuan-bantuan pentadbiran telah disediakan di mana ruang pejabat serta subsidi, melantik, setiausaha kerja telah disediakan untuk persatuan-persatuan sukan kebangsaan.

Untuk masa hadapan, Kementerian saya akan menyediakan skim hadiah supaya athlete-athlete yang memenangi pertandingan di peringkat antarabangsa akan menerima hadiah wang tunai. Ini adalah selaras dengan perkembangan sukan sekarang ini yang terdapat di merata-rata dunia. Kementerian saya percaya bahawa untuk setanding dengan negara-negara

lain, kita tidak boleh ketinggalan dalam menyediakan insentif-insentif seperti ini kepada athlete-athlete kita.

Satu lagi rancangan yang sedang disediakan oleh Majlis Sukan Negara ialah latihan sepenuh masa kepada athlete-athlete dan jurulatih. Kita berharap akan dapat mewujudkan beberapa buah jawatan dalam Majlis Sukan Negara supaya athlete-athlete dan jurulatih-jurutlatih boleh berlatih sepenuh masa sebagai kakitangan di bawah Majlis Sukan Negara. Program ini adalah di dalam peringkat perancangan dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Seperti yang telah saya nyatakan dalam beberapa kenyataan tempoh hari bahawa kegiatan sukan di negara ini tidaklah bergantung kepada pihak Kerajaan semata-mata terutamanya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja. Selain daripada Majlis Sukan Negara di bawah Kementerian saya, Majlis Olimpik Malaysia dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan adalah juga merupakan pihak yang penting dalam usaha-usaha untuk memajukan sukan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga mengambil iktibar daripada kejayaan yang begitu menakjubkan yang telah dicapai oleh negara Korea Selatan di dalam sukan Asian Games baru-baru ini. Di dalam kejayaan negara tersebut, peranan yang dimainkan oleh pihak swasta begitu berkesan dan meluas sekali. Saya berharap pihak swasta di dalam negara kita ini akan dapat juga menambahkan peranan mereka untuk meninggikan mutu sukan negara.

Akhir sekali, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Adakah Kementerian lain yang tidak menjawab dan berhasrat menjawab?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul ini disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Ketujuh.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

Bacaan Kali Yang Kedua

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi

memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu”, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$233,879,710 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1986 adalah berjumlah \$431,379,710. Tetapi, sebanyak \$233,879,710 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$197,500,000 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan terbesar yang diminta diluluskan di bawah Rang Undang-undang ini ialah sebanyak \$222.6 juta di bawah Maksud B. 7-Jabatan Perdana Menteri. Ianya dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil di bawah Maksud B. 46-Jabatan Penerangan, B. 56-Jabatan Pengangkutan Jalan dan B. 62-Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Butir-butir dan keterangan-keterangan lanjut mengenai peruntukan tambahan ini adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1986 dan

dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 Tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan pula cadangan bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 secara lebih terperinci.

Peruntukan tambahan yang dicadangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 adalah berjumlah \$742,096,740. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$424,866,740 adalah Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak \$317,230,000 adalah Perbelanjaan Pinjaman. Dengan cadangan tambahan ini, jumlah peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1986 menjadi \$9,599,837,140.

Tambahan terbesar adalah dikehendaki di bawah Sektor Ekonomi iaitu berjumlah \$713.2 juta atau 96.1% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Jumlah ini termasuklah peruntukan sebanyak \$490 juta yang diperlukan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan; sebanyak \$69.3 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada "Sabah Energy Corporation" bagi membiayai projek "Sabah Gas Utilisation"; sebanyak \$69.1 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Majlis Perbandaran Labuan; sebanyak \$40.9 juta adalah diperuntukkan kepada Majlis Amanah Rakyat dan sebanyak \$34 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Nasional Berhad untuk menambah kepada Perbadanan Nasional Berhad untuk menambah ekuitinya dalam Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad bagi pembelian kapal feri untuk projek Perkhidmatan Feri Malaysia.

Selain dari itu, Tuan Yang Dipertua, tambahan sebanyak \$26.9 juta atau 3.6% daripada jumlah peruntukan tambahan ini adalah untuk Sektor Sosial. Jumlah ini termasuklah sebanyak \$12.5 juta untuk membiayai program projek kecil termasuk \$5.5 juta bagi kemajuan kampung-kampung baru; \$8 juta untuk membiayai program peniaga-peniaga kecil dan \$5.4 juta untuk bayaran kontrak pembinaan Kompleks Pusat Islam Malaysia.

Bagi Sektor Keselamatan, tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$2 juta atau 0.3% daripada jumlah peruntukan tambahan yang dicadangkan. Tambahan ini adalah untuk membiayai pembinaan Penjara Remand/Tahanan Imigresen di Kajang, Selangor dan di Simpang Renggam, Johor.

Yang lain-lainnya adalah merupakan tambahan-tambahan kecil termasuklah beberapa peruntukan tanda \$10 bagi membiayai beberapa butiran di bawah berbagai sektor.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan juga Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986, selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1986

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam peraturan urusan mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$742,096,740 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$742,096,740 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi

tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Sekarang kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

6.08 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 1986 di bawah Maksud B. 7-Jabatan Perdana Menteri, di mana \$34 juta diperuntukkan kepada Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) untuk menambahkan ekuitinya dalam Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad (PNSL) bagi pembelian kapal feri untuk Projek Perkhidmatan Feri Malaysia, dan ingin saya menyentuh satu dua perkara mengenai Perkhidmatan Feri Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengemukakan satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya beliau akan memberi angka-angka pecahan ataupun breakdown figures ke atas perbelanjaan mengenai projek ini. Kononnya berapa ringgit telah diperuntukkan untuk pembinaan Feri Terminal di Kuantan, di Kuching dan di Kota Kinabalu, apakah harga Feri Malaysia itu, berapakah tahun tuanya, oleh kerana saya dengar "Cruise Muhibbah" telah sampai 20 tahun umurnya dan saya bimbang kalau kapal tua sedikit mungkin tidak begitu selamat. Saya bukan bercakap sebagai seorang pakar dan saya akan menghargai apa-apa jawapan yang dapat diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Seperti Dewan yang mulia ini sedar Projek Feri Malaysia telah dilaksanakan pada hari Kebangsaan tahun ini. Tujuan terakhirnya ialah untuk memupuk perpaduan negara dan integrasi nasional dan saya sedikit keliru oleh kerana nampaknya memandangkan iklan jingle yang dibuat oleh Sudirman "on the way to your holiday", "Kuantan-Kuching-Singapore-Kota Kinabalu", mungkin nampaknya Projek Feri Malaysia menempuh khasnya kepada urusan pelancongan dan bukan untuk tujuan memupuk integrasi nasional, walaupun bukan sahaja yang saya ingin tekankan di sini kedua-dua tujuan ini mutually exclusive, dengan izin, tetapi kalau keadaan ini tidak diperbaiki mungkin mereka akan menjadi mutually exclusive, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah menumpang kapal Cruise Muhibbah pada 1hb Oktober tahun ini untuk datang ke Kuala Lumpur dari Kuching untuk mengalami bagi saya sendiri bagaimana Cruise Muhibbah yang terkenal ini. Malangnya saya boleh nampak kira-kira 40 orang penumpang sahaja dalam satu kapal yang begitu besar dan kapal Cruise Muhibbah ini boleh menampung sebanyak 650 orang penumpang. Saya difahamkan bahawa walaupun perjalanan pada 1hb Oktober ini adalah kali yang keempat sejak operasi perkhidmatan Feri Malaysia tetapi setiap kali kapal Feri Malaysia ini tidak mengangkat lebih daripada 40 ataupun 50 orang penumpang sahaja. Orang-orang di Kuching dan Kota Kinabalu juga telah bermula dengan spekulasi bahawa mungkin projek Feri Malaysia ini akan gagal dan akan menutup pintu dalam tempoh satu atau dua tahun. Memandangkan perbelanjaan pelaburan yang besar dari wang awam, saya ingin tahu, apakah prospect viability yang telah disiasat oleh pihak Kerajaan sebelum

pelaksanaan projek ini supaya memastikan kejayaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin masalahnya adalah berkait dengan yang pertama, tambang. Sekarang kalau saya datang dari Kuching ke Kuantan, saya harus membayar tambang sebanyak \$160 yang terendah itu dan air fare ataupun tambang kapal terbang dari Kuching ke Kuala Lumpur berharga \$231 sahaja. Perbezaan antara kedua-dua tambang ini tidak begitu besar. Tetapi kalau saya menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia saya akan makan atas kapal ini, makanan yang mahal seperti di Five-Star Hotel di Kuala Lumpur, yang cantik, yang luxurious memanglah tetapi mahal.

Yang Keduaanya, untuk berlepas dari Kuantan ke Kuala Lumpur, saya terpaksa membayar lebih tambang bas, atau kalau saya memandu kereta saya sendiri, saya menggunakan petrol mungkin harganya \$20.00 dan ini perbelanjaan tambahan (additional) yang akan membebankan penumpang Feri Malaysia. Kalau saya seorang yang bergantung kepada gaji sahaja dan bukan seorang kakitangan kanan Kerajaan ataupun seorang yang kaya, saya tidak akan mampu untuk membayar bayaran yang banyak untuk menggunakan Feri Malaysia. Kalau tambang ini boleh dikurangkan 40% mungkinlah saya rasa peluang ada baiknya untuk mendapat lebih orang menggunakan Feri Malaysia ini. Oleh kerana, jikalau kita mengikut tujuan asalnya untuk melaksanakan projek Feri Malaysia bukanlah untuk pelancongan sahaja tetapi yang terpentingnya ialah memupuk integrasi nasional untuk orang-orang dari Semenanjung Malaysia melawat ke Kuching dan Kota Kinabalu dan rakyat Sarawak dan Sabah melawat Kuala Lumpur dan Kuantan dengan senang. Jikalau rakyat jelata, orang yang tidak begitu kaya, orang yang

berpendapatan sederhana jikalau mereka tidak mampu membayar tambang ini, maka tidak akan ada banyak orang menggunakan Feri Malaysia dan projek ini akan gagal dan akan menjadi salah satu anak syarikat Kerajaan yang menghadapi kerugian yang besar.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah Feri Malaysia ialah bahawa Cruise Muhibbah ini tidak mengikut jadual dengan tepat. Saya diberitahu iaitu saya hendak melaporkan kepada Terminal pada pukul 8.00 pagi tetapi sehari sebelum hari itu, saya telah diberitahu bahawa departure telah di "brought forward" dan saya bernasib baik oleh kerana saya tinggal di Kuching, kalau saya tinggal di Sibu tentu susah dan akan ketinggalan Feri Malaysia ini. Jikalau apa-apa sahaja perkhidmatan perjalanannya tidak mengikut jadual dengan tepat dan baik, tiada sesiapa pun akan bergantung kepada cara perjalanan ini.

Dari tinjauan saya juga, Feri Malaysia ini menghadapi masalah pemasaran. Penyedaran rakyat keseluruhannya termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun tidak begitu tinggi. Orang tidak tahu bagaimana boleh menggunakan Feri Malaysia, bagaimana untuk membeli tiket, kalau mahu bawa kereta dari Kuching atau Kota Kinabalu ke Kuantan tambangnya berapa. Mereka juga tidak tahu kalau mahu membawa kereta dari Sarawak ke Kota Kinabalu, saya mesti pergi ke Pejabat JPJ di Kuching untuk mendapatkan satu sticker, saya mesti tunggu di situ tiga jam baharu balik. Saya juga mesti mendapat kebenaran dari Syarikat kewangan yang memberi pinjaman kepada saya untuk membeli kereta. Untuk membeli return ticket pun sangat susah dan saya telah berkata saya tidak mahu lagi menggunakan Feri Malaysia. Ini masalah yang mungkin harus diatasi, diselesaikan

dengan baik supaya penumpang Feri Malaysia akan merasa gembira dan mesra dengan perkhidmatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu orang bercakap DAP selalu oppose for the sake of opposition sahaja. Ingin saya memberi penghargaan saya kepada anak-anak kapal Cruise Muhibbah ini kerana perkhidmatannya baik (*Tepuk*) dan kalau Persidangan Parlimen boleh diadakan atas kapal ini sekali sahaja, cuba (*Ketawa*), baik kerana ada laut yang indah iaitu alam semula jadi yang cantik dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan Menteri-menteri kita tidak ada api dalam hatinya selalu bergaduh sahaja. Ini adalah satu cadangan untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini. Kalau lebih Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semenanjung Malaysia, khususnya Menteri-menteri Kabinet boleh melawat Sabah dan Sarawak mungkin ini akan memupuk semangat nasionalisma juga.

Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak lagi; di bawah sub-sektor pengangkutan sebanyak \$490 juta telah dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaannya, tetapi tidak ada terdapat butir-butir untuk menjelaskan di manakah perbelanjaan ini diperuntukkan dan bilakah ini telah digunakan. Saya boleh meandaikan sahaja perbelanjaan ini adalah untuk tujuan membaiki dan menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia. Dalam konteks integrasi nasional lagi satu isu yang amat sensitif, satu hasrat tertinggi yang transcends semua sempadan parti ataupun tidak kira bangsa adalah first trunk road system di Sabah dan di Sarawak.

Dan jikalau kita boleh menambah peruntukan untuk mengtarkan, bitumin bagi first trunk-road system

ini dari Semantan di Sarawak ke Beuford Sabah, saya percaya usaha ini akan mencapai kejayaan yang amat tinggi dan lebih tinggi dengan memberi kapal Cruise Muhibbah yang dapat digunakan oleh orang kaya sahaja. Oleh kerana kalau duit itu boleh diperuntukkan bagi tujuan memperbaiki jalanraya di Sarawak dan Sabah, ini akan menganjurkan pembangunan sosio-ekonomi supaya tanah sepanjang jalanraya ini dapat dibuka supaya pusat penubuhan seperti bandar-bandar baru boleh muncul untuk memberi perkhidmatan kepada interland, dengan izin, bagi kawasan pendalaman dan luar bandar. Ini sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.22 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama bagi perbelanjaan pembangunan. Tambahan peruntukan sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan adalah jumlah sebanyak \$742,096,740 yang mana kira-kira 58% diberi secara langsung kepada berbagai-bagai Kementerian dan bakinya sebagai pinjaman.

Seperti sedia kala Kertas Perintah memberi penerangan yang kurang sempurna bagi perbelanjaan pembangunan yang telah dibuat, ianya adalah lebih baik jika pihak Kerajaan meluangkan lebih banyak masa dan usaha untuk mengulas kembali darjat keberkesanan projek-projek ini ke atas pengembangan ekonomi dan negara, terutama sekali bagi projek-projek pembangunan yang disebut di bawah sektor ekonomi. Misalnya, penjelasan yang lebih mendalam harus

diberi untuk menyokong peruntukan-peruntukan perbelanjaan pembangunan tambahan bagi pinjaman sebanyak \$69.3 juta kepada Sabah Energy Corporation bagi membiayai Sabah Gas Utilisation Project.

Tuan Yang di-Pertua, kami semua tahu bahawa Projek Gas Sabah pernah dikritik sebagai projek mewah kerana ianya bukan sahaja memakan belanja pelaburan yang besar iaitu lebih daripada \$2.4 bilion. Malah melibatkan beban hutang yang besar akibat daripada pinjaman berjuta-juta ringgit yang dibuat di samping menguntungkan hanya sekumpulan orang yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya Projek Gas Sabah ini hanya mengadakan perjanjian dengan negeri Jepun sahaja dengan kadar harga gas ditetapkan pada awal 80an lagi dan walaupun ada perubahan semasa bagi pasaran tetapi harga gas itu yang dibekalkan hanya kepada negeri Jepun tetap di paras yang diadakan dahulu.

Jadi ini bermakna negara kita mengalami kerugian, terutamanya dengan kemelesetan ekonomi dan tambahan pula punca-punca gas ini terdapat di negara-negara lain seperti negara Canada yang mempunyai gasnya sendiri dan sanggup membekal kepada negara-negara seperti Jepun. Jepun memang mempunyai keuntungan, terutamanya semasa kemelesetan ekonomi dan walaupun wang yen nilainya telah meningkat akan tetapi dengan kecekapan, dengan pengubahsuaian ekonomi Jepun, mereka dapat mengambil kesempatan untuk membeli gas dan minyak mentah lebih murah untuk meransang ekonomi Jepun. Dan negara kita terkongkong kerana perjanjian diadakan masa dahulu, maka kita terpaksa menjualkan gas lebih murah kepada Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mendapatkan wang pinjaman daripada luar negeri yang sekarang meningkat kepada lebih daripada \$40 bilion walaupun dinafikan beberapa bulan dahulu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tetapi kita tahu sekarang telah meningkat dan wang begitu besar menjelaskan bahawa dengan kadar debt servicing ratio sekarang meningkat mungkin kepada 17 ke 18%. Ini hampir meningkat ke taraf bahaya, yang bahaya itu 20%. Jadi saya hendak memperingatkan Kerajaan supaya lebih berwaspada dengan menggunakan wang pinjaman ini untuk perbelanjaan ke atas projek-projek seperti Projek Gas Sabah.

Perbelanjaan ini tetap dibuat walaupun ekonomi negara kita masih belum pulih daripada kemelesetan yang kian bertambah buruk dan baru-baru ini sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Amerika Syarikat untuk menggalakkan para pelabur supaya melabur di Malaysia kerana Kerajaan nampaknya sudah tidak ada wang, nampaknya sudah tidak berdaya. Kita memang tidak dapat menafikan bahawa projek-projek sedemikian mungkin berhasil dari segi meningkatkan taraf teknologi negara di samping memodenkan kaedah penggunaan tenaga, akan tetapi projek-projek sedemikian ini mehgambil masa yang panjang untuk berhasil dan wang pelaburan yang banyak sementara menunggu tempoh masa pengeluaran yang optimum.

Negara kita yang masih belum mencapai tingkat-tingkat teknologi yang cukup tinggi untuk mengendalikan projek-projek ini dengan 100% harus menunggu sehingga keadaan ekonomi negara pulih sebelum meneruskan rancangan-rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, harus saya memperingatkan di sini negara Jepun memang sangat maju di dalam bidang teknologi ini dan setakat ini teknologi Jepun itu tidak dapat diberi, tidak dapat dipindah kepada orang-orang Malaysia dan pihak Jepun hanya melepaskan batuk di tangga sahaja dari segi pemindahan teknologi, terutama kepada teknologi yang tinggi seperti untuk pengeluaran gas, LNG dan sebagainya.

Keputusan untuk meneruskan projek-projek tersebut semasa ekonomi meleset bukan sahaja meningkatkan beban hutang negara seperti saya sebutkan tadi, malah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, berapa minit lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Mungkin 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Lagi setengah minit kita akan tamatkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, malah tidak dapat menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak mahupun menjana pendapatan berlebihan pada masa sekarang.

Ianya adalah lebih bermanfaat dan jika lebih banyak wang dilaburkan ke dalam usaha-usaha menggalakkan keusahawanan individu-individu seperti program peniaga-peniaga kecil dan kemajuan kampung-kampung baru dan tradisional atau ke dalam kilang-kilang perusahaan pembuatan, mengganti import mahupun dalam sektor pertanian untuk meningkatkan produktiviti serta kecekapan pengeluaran sektor tersebut dengan mengusahakan bidang-bidang tanah

yang terbiar, pengilangan padi yang lebih cekap, penyediaan kemudahan asas yang mencukupi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan seharusnya menjauhi diri dari mempersandingkan peranan sebagai nenek kebayan kepada setiap satu perbadanan Kerajaan yang menghadapi kesulitan wang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.